

**KECERDASAN EMOSI PEMIMPIN PENDIDIKAN DAN HUBUNGANNYA
DENGAN EFIKASI GURU
SEPANJANG TEMPOH PANDEMIK COVID-19**

Ketua Penyelidik: Dr Hjh. Shafinaz binti A Maulod

Penyelidik Bersama: Dr Salwati binti Shafee
Pn. Ainol Hidayah binti Abd Rauof
Pn. Hjh Mislihah binti Mesran
Tn. Hj. Shahrin bin Alias

1.0 PENDAHULUAN

Pendidikan memainkan peranan utama bagi perkembangan ekonomi dan pembangunan sesebuah negara. Proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku merupakan petunjuk utama yang dapat mengukur dengan tepat kemajuan masa hadapan negara. Proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan banyak bergantung kepada keupayaan guru dalam mengolah kandungan kurikulum dengan kaedah penyampaian serta kaedah pentaksiran yang dijalankan. Dalam konteks ini, guru memerlukan sokongan daripada pemimpin organisasi khususnya pengetua dan guru besar (PGB). PGB bukan sahaja perlu memiliki pengetahuan dan kemahiran kepimpinan dan pengurusan, malahan mereka perlu memiliki kualiti peribadi yang unggul yang dizahirkan dalam bentuk sikap, tingkah laku dan emosi yang positif dan stabil (Hussein, 2007). Kestabilan emosi PGB sangat penting terutama semasa mengurus dan memimpin guru-guru di sekolah khususnya dalam keadaan yang sukar seperti era Pandemi Covid 19. Kegagalan PGB mengurus emosi mereka mungkin akan memberi impak negatif kepada emosi guru dan akan menjejaskan prestasi guru.

1.1 Latarbelakang Kajian

Pandemik yang berlaku sepanjang tahun 2020 sebenarnya bukan sahaja telah menjejaskan pendidikan anak-anak kita, malah telah mencabar nilai, amalan dan budaya hidup kita. Pandemi COVID-19 menyedarkan kita bahawa hal-hal pendidikan melibatkan anak-anak kita, generasi masa hadapan kita dan bukan di bawah tanggungjawab guru semata – malah tanggungjawab yang perlu dipikul bersama-sama dengan semua warga sekolah khususnya di

bawah kepimpinan seorang pemimpin/pengetua yang mempunyai ciri kepimpinan yang berprestasi tinggi. Antara ciri-ciri seorang pemimpin yang berprestasi tinggi ialah dengan mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi (Goleman, 2011). Keupayaan seorang pemimpin mengenal pasti dan mengurus kecerdasan emosi dirinya sendiri dan pengikutnya dengan baik walau dalam apa juga keadaan adalah sangat diperlukan pada masa pandemic ini. Pandemik ini membangkitkan tanggungjawab untuk menjadi pemimpin kepada diri sendiri dan orang lain; hormati pandangan dan kehidupan orang sekeliling; prihatin dan cakna kepada keperluan yang mendesak demi menjaga kelangsungan proses pengajaran dan pembelajaran.

2.0 PENYATAAN MASALAH

Akibat dari penularan Pandemik Covid-19 ini telah menyebabkan pelbagai perkara rutin seharian berubah termasuklah aktiviti pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Peranan pemimpin sekolah juga semakin mencabar dan perlu memenuhi keperluan dari pelbagai pihak bagi memastikan kelangsungan aktiviti pembelajaran murid. Sesi pengajaran dan pembelajaran telah mulai dilaksanakan secara dalam talian dengan pelbagai kekangan yang dihadapi oleh pihak sekolah, murid dan ibu bapa. Ia adalah langkah yang sukar, dimana situasi ini berlaku secara tiba-tiba tanpa persediaan rapi ke arah itu. Pemimpin perlu segera bertindak dan membuat keputusan untuk menghadapi perubahan mencabar ini kerana dipengaruhi keadaan tidak menentu dan bukan merupakan rutin dan melibatkan perubahan dari keseluruhan amalan organisasi seperti fleksibiliti, fasiliti dan penggunaan teknologi bagi membantu pengoperasian sekolah. Oleh itu, secara tidak langsung memberi kesan dari aspek emosi seseorang pemimpin dalam mengurus dan memimpin organisasi agar terus beroperasi dengan lancar.

Kesan dari emosi pemimpin ini akan mempengaruhi keberkesanan pengajaran dan emosi guru-guru juga. Guru-guru juga turut berdepan dengan cabaran bagi memastikan sesi pengajaran dan pembelajaran murid tidak terabai. Pandemik Covid-19 ini mula mencabar guru untuk meneroka amalan norma baharu dalam sistem pendidikan negara. Apatah lagi apabila arahan pembukaan sekolah semula maka amalan dan persekitaran pembelajaran juga akan turut mengalami perubahan. Sesi pengajaran dan pembelajaran oleh guru pastinya lebih mencabar kerana perlu mengutamakan aspek penjarakan sosial di samping menitikberatkan amalan pencegahan yang sewajarnya seperti penggunaan sanitasi tangan, penutup hidung dan mulat serta budaya kerap membasuh tangan. Jumlah pelajar dan kedudukan mereka dalam

setiap kelas juga perlu diberi perhatian. Begitu juga bagi mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) dalam kalangan guru-guru dan warga sekolah yang perlu dipatuhi.

Sebelum pembukaan sekolah sepenuhnya, guru-guru juga perlu memastikan sesi pengajaran yang berkonsepkan pengajaran dan pembelajaran dari rumah tetap berjalan lancar. Pemimpin sekolah iaitu pengetua dan guru besar perlu memastikan guru-guru mengadaptasikan diri dan melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran berjalan seperti biasa dengan menggunakan pelbagai medium seperti Google Classroom, Google Docs, Google Slides dan lain-lain bagi menyantuni murid-murid di rumah. Di samping itu, pengetua dan guru besar juga perlu bersedia berhadapan dengan segelintir murid yang tidak mempunyai akses internet dan peranti yang bersesuaian untuk belajar secara maya. Oleh itu, bagaimanakah tahap kecerdasan emosi pemimpin sekolah dalam mempengaruhi guru-guru serta bagaimana pula efikasi guru dalam mendepani permintaan menjalankan pengajaran secara dalam talian?

Kecerdasan emosi adalah antara faktor penting yang mewujudkan hubungan yang berkesan antara pemimpin dan pengikut (guru dan pelajar) di dalam sesebuah organisasi. Impak dari perhubungan yang positif dan berkesan antara pengetua sekolah dan guru mampu menghasilkan organisasi yang cemerlang. Kecerdasan emosi seseorang pengetua itu perlulah diambil kira dan seharusnya boleh dikawal bagi meningkatkan dan menggalakkan proses pengajaran dan pembelajaran. Kesan dari Pandemik Covid-19 ini telah menyebabkan sekolah terpaksa berhadapan beberapa tindakan yang perlu diambil dengan segera dan tepat. Walau bagaimanapun, pemimpin-pemimpin sekolah mempunyai kemahiran mengurus semasa krisis yang agak terhad. Kepimpinan semasa krisis ini sangat penting bagi memastikan setiap keputusan yang diambil adalah tepat dan berkesan dalam menyelesaikan sebarang permasalahan yang timbul (McLeod & Dulsky, 2021). Keputusan yang diambil adalah perlu berdasarkan kecerdasan emosi, komunikasi, pengetahuan dan kemahiran yang dapat diurus dengan berkesan. Perkara ini sangat penting apatah lagi apabila seseorang pengetua perlu mengurus dan mentadbir sekolah dalam keadaan ketidakpastian akibat dari kesan Pandemik Covid 19 yang melanda negara kini. Oleh itu, apakah yang perlu pemimpin sekolah lakukan untuk memastikan motivasi guru dan sokongan terhadap guru tetap diteruskan. Di sinilah pentingnya untuk kita mengetahui tahap kecerdasan emosi pemimpin sekolah dalam mengurus dan mentadbir semasa Pandemik Covid-19. Oleh itu, bagaimanakah tahap dan kompetensi kecerdasan emosi pemimpin sekolah di Malaysia dalam menghadapi situasi Pandemik Covid 19 ini?

Satu kajian tinjauan telah dilaksanakan oleh Azlin (2020) yang melibatkan 1,742 guru tentang kesediaan pendidik melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dari rumah (PdPDR), serta cabaran yang guru hadapi dalam melaksanakan PdPDR. Tinjauan tersebut mendapati bahawa majoriti, iaitu sebanyak 85 peratus guru melaksanakan aktiviti PdPDR antara satu hingga empat jam sehari, manakala 15 peratus lagi melaksanakan PdPDR selama lebih empat jam sehari. Analisis secara terperinci pula mendapati 67 peratus hanya mampu melaksanakan PdPDR kurang daripada dua jam sehari, berpunca daripada pelbagai kekangan dan cabaran di pihak guru dan juga murid. Secara tidak langsung, hasil kajian ini mengesahkan bahawa guru telah menjalankan tanggungjawab mereka sepanjang PKP, namun pada masa yang sama menimbulkan persoalan daripada aspek kuantiti pembelajaran murid, yang terlalu sedikit - yakni antara satu hingga empat jam sahaja.

Selaras dengan isu ini, maka kajian ini mengkaji sejauh mana peranan pemimpin pendidikan atau pengetua dalam memberikan motivasi berterusan agar dapat meningkatkan efikasi sendiri guru dalam menghadapi situasi yang mencabar ini. Sokongan dan motivasi berterusan oleh seseorang pengetua mampu meningkatkan efikasi sendiri guru dalam melaksanakan pengajaran (Shafinaz, 2017). Tahap efikasi sendiri guru yang tinggi boleh membantu mereka untuk lebih bersemangat dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang seterusnya menghasilkan pelajar yang cemerlang hasil dari pengajaran yang berkesan. Ini adalah kerana kualiti guru adalah pemboleh ubah utama dalam mempengaruhi kecemerlangan pelajar. Selain itu, guru turut berhadapan dengan isu kehadiran dan penglibatan murid semasa pembelajaran dalam talian serta dalam masa yang sama guru perlu menyeimbangkan kesediaan mereka untuk melaksanakan pengajaran dari rumah tanpa wujudnya tekanan emosi (Bintliff, et al., 2020). Oleh itu, sangat penting difahami impak dari permasalahan ini kepada guru agar guru yakin mereka dapat melaksanakan tugas mengajar adalah berkesan hasil dari efikasi sendiri yang tinggi. Kajian ini dilihat sesuai dilaksanakan kerana menurut Pressley & Ha (2021) serta Cardullo, et al. (2021) mendapati kurang kajian dilaksanakan bagi mengenal pasti impak Pandemik Covid-19 terhadap efikasi sendiri guru.

3.0 TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti hubungan antara kecerdasan emosi pemimpin pendidikan dengan efikasi sendiri guru. Di samping itu, kajian turut menganalisis perbezaan efikasi sendiri guru berdasarkan pengaruh faktor demografi. Diharapkan hasil kajian ini dapat memberikan sumbangan nilai tambah kepada ilmu pengetahuan dalam kepimpinan dan pendidikan di Malaysia terutamanya dalam era Pandemik Covid 19 ini.

3.1 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif berikut: -

1. Menenal pasti tahap kecerdasan emosi pemimpin pendidikan semasa Pandemik Covid-19.
2. Menenal pasti tahap efikasi sendiri guru semasa Pandemik Covid-19.
3. Menenal pasti perbezaan efikasi sendiri guru berdasarkan faktor demografi seperti jantina, umur dan pengalaman mengajar.
4. Menganalisis hubungan antara kecerdasan emosi pemimpin pendidikan dan efikasi sendiri guru semasa Pandemik Covid-19.
5. Menganalisis dimensi yang manakah dalam komponen kecerdasan emosi pemimpin pendidikan merupakan peramal yang dominan kepada efikasi sendiri guru semasa Pandemik Covid-19.

3.2 SOALAN KAJIAN

Soalan kajian adalah bertujuan untuk membolehkan pengkaji menganalisis secara spesifik dan mendapatkan data yang boleh diukur daripada kesemua pemboleh ubah yang dikaji.

Kajian ini dijalankan untuk menjawab soalan berikut:-

1. Apakah tahap kecerdasan emosi yang dipraktikkan oleh pemimpin pendidikan semasa Pandemik Covid-19?
2. Apakah tahap efikasi sendiri guru semasa Pandemik Covid-19?
3. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi efikasi sendiri guru berdasarkan jantina, umur dan pengalaman mengajar?
4. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi pemimpin pendidikan dengan efikasi sendiri guru semasa Pandemik Covid-19?

5. Dimensi yang manakah dalam konstruk kecerdasan emosi pemimpin pendidikan merupakan peramal yang dominan dalam menggalakkan efikasi sendiri guru semasa Pandemik Covid-19?

4.0 KEPENTINGAN KAJIAN

Tumpuan kajian ini adalah hanya kepada persepsi guru terhadap kecerdasan emosi pemimpin dan efikasi sendiri mereka. Kepentingan kajian ini secara umumnya adalah untuk menyediakan maklumat empirikal bagi memahami kepentingan dua pemboleh ubah dalam memimpin sekolah dari aspek teori dan praktikal. Kajian juga bermanfaat untuk pengembangan ilmu pengetahuan bagi meneroka secara mendalam hubungan dan pengaruh kecerdasan emosi pengetua terhadap tahap efikasi sendiri guru.

Untuk Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), penemuan daripada kajian ini boleh digunakan sebagai panduan dalam meningkatkan prestasi kepimpinan sekolah apatah lagi apabila berdepan dengan ketidakpastian akibat dari kesan Pandemik Covid 19. Ini adalah kerana kecerdasan emosi boleh dipelajari dan diperbaiki melalui amalan dan latihan (Goleman, 2011). Hubungan antara pemimpin dan pengikut perlu diberikan tumpuan agar wujudnya kesan yang positif bagi memotivasikan staf dalam melaksanakan tugas dengan berkesan. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Institut Aminuddin Baki (IAB) boleh bekerjasama untuk mereka bentuk kursus-kursus bagi memenuhi latihan dan pembangunan profesional pengetua dan bakal pengetua sekolah di Malaysia.

5.0 Limitasi Kajian

Penyelidikan ini dijalankan melalui kaedah kajian tinjauan yang melibatkan satu set soal selidik yang digunakan untuk mendapatkan persepsi guru berkaitan pengaruh hubungan kecerdasan emosi terhadap efikasi sendiri guru semasa Pandemik Covid-19 sahaja. Kemungkinan wujud faktor-faktor lain yang mempengaruhi kecerdasan emosi pemimpin sekolah tidak diambil kira agar kajian dapat dilaksanakan dengan lebih terurus.

6.0 KAJIAN LITERATUR

Teori menyumbang kepada rational dalam membuat sesuatu keputusan dan amat berguna apatah lagi jika teori tersebut menepati amalan dalam pelaksanaannya. Dalam kajian ini dua teori telah dijadikan rujukan utama yang mendasari kajian dan berkaitan dengan pemboleh ubah kajian iaitu kecerdasan emosi dan efikasi sendiri guru.

6.1 Kerangka Teori dan Model yang berkaitan dengan kajian

6.1.1 Teori dan Model Kecerdasan Emosi

Konsep kecerdasan emosi adalah satu konsep yang luas dan melibatkan aspek dalaman seseorang individu. Konsep ini berkait rapat dengan interaksi kecerdasan mental. Kecerdasan emosi merujuk kepada integrasi emosi dengan struktur kognitif seseorang. Konsep kecerdasan emosi telah mula diberikan perhatian oleh ahli sarjana untuk mengkaji konsep ini dan perkaitannya dengan pelbagai disiplin ilmu dan dimensi.

Pada sekitar tahun 1980an Dr. Reoven Bar-On telah menjalankan penyelidikan berkaitan kejayaan dan kebolehan seseorang dalam hidupnya jika dibandingkan dengan orang lain. Hasilnya didapati terdapat banyak faktor kecerdasan bukan kognitif (emosi) yang menyumbang kepada kejayaan seseorang dalam kehidupan. Istilah kecerdasan emosi (*Emotional Quotient*) telah dicipta bagi menggambarkan penilaian dalam kecerdasan umum oleh Bar-On dan Parker (2000). Menurut beliau kecerdasan emosi adalah kebolehan seseorang untuk berunding secara baik dengan orang lain dan kebolehan untuk mengawal perasaan sendiri serta kebolehan menangani cabaran persekitaran dan meramal kejayaan dalam kehidupan seseorang secara peribadi atau dalam kerjaya. Berikutan dari itu, Salovey dan Mayer (1993) selaku orang pertama yang menjelaskan secara akademik berkaitan kecerdasan emosi telah mendefinisikan kecerdasan emosi sebagai kecerdasan sosial yang melibatkan kebolehan mengawal emosi diri sendiri dan orang lain disamping kebolehan membezakan jenis-jenis emosi yang memandu pemikiran kepada setiap tindakan yang diambil. Goleman (2001) mendefinisikan kecerdasan emosi sebagai kemampuan untuk mengenali perasaan kita sendiri dan perasaan orang lain, kemampuan untuk memotivasikan diri sendiri dan kemampuan untuk mengelola emosi diri sendiri dan orang lain dengan baik.

Kepentingan kecerdasan emosi terbahagi kepada kepentingan dari aspek sosial, pendidikan dan kepimpinan. Goleman (1998 & 2011) mengatakan bahawa kecerdasan emosi boleh membawa kepada kejayaan sama ada di rumah, sekolah atau pun di tempat kerja. Jika dilihat dari sudut sosial, kecerdasan emosi sangat penting bagi membolehkan hubungan antara individu berlaku dengan baik. Memiliki kecerdasan emosi yang tinggi boleh membantu individu untuk mengawal emosinya serta membantu mengurus perasaan negatif yang menghalangnya daripada menjalinkan persahabatan dengan orang lain.

Teori dan Model kecerdasan emosi yang menjadi rujukan utama dalam kajian ini adalah Model kecerdasan emosi oleh Goleman (1995 & 2001). Kepentingan kecerdasan emosi terbahagi kepada kepentingan dari aspek sosial, pendidikan dan kepimpinan. Goleman (1998 & 2011) mengatakan bahawa kecerdasan emosi boleh membawa kepada kejayaan sama ada di rumah, sekolah atau pun di tempat kerja. Jika dilihat dari sudut sosial, kecerdasan emosi sangat penting bagi membolehkan hubungan antara individu berlaku dengan baik. Memiliki kecerdasan emosi yang tinggi boleh membantu individu untuk mengawal emosinya serta membantu mengurus perasaan negatif.

	Kecekapan Peribadi	Kecekapan Sosial
Kesedaran	KESEDARAN KENDIRI a. Kesedaran emosi sendiri b. Penilaian sendiri c. Keyakinan Kendiri	KESEDARAN SOSIAL a. Empati b. Orientasi perkhidmatan c. Kesedaran organisasi
Tindakan	PENGURUSAN KENDIRI a. Kawalan diri b. Ketulusan c. Kebolehsuaian d. Orientasi kejayaan e. Inisiatif f. Optimism	PENGURUSAN PERHUBUNGAN a. Pengaruh b. Kepimpinan inspirasi c. Membangunkan orang lain d. Pengurusan konflik e. Kerja berpasukan f. Pemangkin perubahan

Rajah 6.1: Komponen Kecerdasan Emosi (Goleman, 2001).

Goleman (2001) telah menggabungkan beberapa komponen kecekapan peribadi dan sosial bagi menghasilkan empat dimensi utama berdasarkan kompetensi iaitu kompetensi kesedaran sendiri (*self-awareness*), kompetensi pengurusan sendiri (*self-management*), kompetensi kesedaran sosial (*social-awareness*) dan kompetensi pengurusan perhubungan (*relationship management*) yang keseluruhannya mempunyai lapan belas sub-dimensi seperti yang ditunjukkan dalam matrik berikut (Rajah 6.1)

Impak dari Pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia telah membawa perubahan kepada gaya kepimpinan sekolah termasuklah di Malaysia. Mat Rahaimi, Yahya, Mohd Faiz, Omar Fauzee & Chaw (2021) dalam kajian yang dijalankan terhadap kepimpinan sekolah semasa Pandemik Covid-19 telah mendapati sembilan fungsi dan 42 tingkahlaku dalam gaya baharu kepimpinan pemimpin sekolah. Fungsi-fungsi tersebut adalah mesyuarat maya, forum atau diskusi maya, perkongsian maklumat baharu, perkongsian fail, komunikasi maya, penyeliaan pengajaran berbantuan teknologi digital, memantau prestasi murid berbantuan teknologi digital, mempromosi perkembangan dan professional. Didapati juga kepimpinan pemimpin sekolah telah mengesahkan amalan kepimpinan teknologi, kepimpinan digital atau kepimpinan instruksional maya dilaksanakan semasa Pandemik Covid-19. Ini menunjukkan pematuhan pemimpin sekolah kepada norma baharu dalam kepimpinan yang menghadkan perjumpaan secara bersemuka.

Bagi pemimpin sekolah, suasana baharu ini memberikan impak besar dalam cara dan gaya kepimpinan yang perlu diamalkan. Hubungan sosial antara pemimpin sekolah dengan guru serta pelajar masih perlu dikekalkan bagi memastikan kelangsungan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (Harris & Jones, 2020). Pemimpin perlu bertindak secara berkesan mengikut situasi yang mampu memenuhi keperluan organisasi. Kecekapan pemimpin sekolah dalam menguruskan situasi semasa krisis Pandemik Covid-19 ini sangat diperlukan kerana masih belum ada satu kaedah atau panduan yang boleh digunakan untuk mengurus dalam situasi ini. Segalanya bergantung kepada kebijaksanaan pemimpin sekolah (Netolicky 2020).

Harris & Jones (2020) telah mengatakan bahawa pemimpin yang berprestasi tinggi mampu mengekalkan kepimpinan berkesan yang diamalkan sebelum Pandemik Covid-19 melanda dan diaplikasikan semasa memimpin dalam tempoh Pandemik Covid-19. Aspek yang menjadi keutamaan pemimpin dalam mengurus dan mentadbir sekolah adalah aspek

kesihatan warga sekolah serta aspek budibicara yang tinggi. Memimpin sekolah semasa krisis sangatlah mencabar dan pemimpin sekolah didapati lebih mengutamakan kesihatan dan kestabilan emosi mereka terlebih dahulu bagi memastikan mereka mampu memimpin dengan berkesan. Pemimpin sekolah juga perlu guru, pelajar serta ibubapa mampu turut bekerjasama dengan baik dalam memastikan kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran. Keperluan guru perlu dipenuhi juga bagi memastikan pengajaran dapat dilaksanakan dengan berkesan disamping pemimpin sekolah perlu menyesuaikan dengan teknologi dan paling utama adalah pedagogi guru dalam melaksanakan pengajaran secara dalam talian (Hangreaves, 2020).

Menurut Constantia, Glykeria, Anastasia & Aikaterini (2021) dalam kajiannya terhadap 88 orang guru dan 5 orang pemimpin sekolah mendapati cabaran yang dihadapi oleh pemimpin sekolah dan guru sepanjang tempoh Pandemik Covid-19 ialah pengurusan masa, isu birokrasi, masalah kekurangan alatan teknikal dan kemahiran mengurus pembelajaran secara dalam talian. Mereka mengkategorikan kompetensi ini sebagai kemampuan pemimpin sekolah untuk mengurus semasa krisis dan melakukan perubahan berkesan untuk kelangsungan pengajaran dan pembelajaran.

Pengurusan perubahan dan krisis sangat penting kepada pemimpin sekolah dalam memimpin sepanjang Pandemik Covid-19. Pengurusan emosi pemimpin perlu berada ditahap tinggi bagi memastikan tidak berlakunya konflik dalam organisasi serta diikuti oleh kemampuan pemimpin untuk memperoleh kepercayaan dari guru dan pelajar. Ini adalah bagi memastikan setiap isu yang timbul dapat diuruskan serta diatasi dengan sebaiknya (Hangreaves, 2020). Seterusnya salah satu faktor yang turut menjadi keutamaan ialah sokongan dari komuniti yang merupakan sumber utama kepada kelancaran pemimpin sekolah dalam memimpin sepanjang Pandemik Covid-1.

Pandemik Covid-19 ini merupakan antara cabaran pemimpin sekolah yang perlu dihadapi dan dikategorikan antara pengurusan dan kepimpinan semasa krisis (Beauchamp, Hulme, Clarke, Hamilton, & Harvey, 2021). Semasa Pandemik Covid-19 melanda dunia kepimpinan pemimpin sekolah banyak dipengaruhi oleh sistem pendidikan sesebuah negara yang mengubah suai (melakukan perubahan), mandat, sokongan dan nasihat dari mereka yang pakar dalam bidang pelaksanaan pembelajaran secara dalam talian. Namun begitu, oleh

kerana situasi ini berlaku secara mendadak kesediaan dan kemampuan pemimpin sekolah masih lagi berada di tahap yang sederhana.

Pelbagai aspek perlu dikaji bagi membantu pemimpin sekolah dalam memimpin semasa krisis seperti ini. Adakah mereka telah bersedia dari aspek komunikasi, emosi, resiliensi dan moral? Ini adalah kerana, kepimpinan efektif semasa krisis melanda memerlukan seseorang pemimpin itu untuk membuat keputusan dengan cepat, tepat dan berkualiti bersama-sama warga organisasi bagi memastikan keputusan yang dibuat itu menjurus kepada pencapaian matlamat bersama.


Menurut (Beauchamp, Hulme, Clarke, Hamilton, & Harvey, 2021), mengurus semasa krisis memerlukan seseorang pemimpin untuk mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi, disamping nilai dan sikap yang stabil dalam memotivasikan guru-guru. Jika pengetua sekolah menggunakan kecerdasan emosi sebagai tunjang utama dalam memimpin, usaha sekolah untuk menyediakan pendidikan inklusif dapat ditingkatkan lagi. Seseorang pengetua yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi, akan memberikan impak yang positif kepada seluruh warga dan budaya sesebuah organisasi (Moore, 2009). Semasa pandemik, mobiliti kecerdasan emosi pengetua telah berkurangan kerana tiada interaksi interpersonal secara langsung dengan guru-guru. Interaksi antara pengetua dan guru-guru bergantung kepada teknologi. Faktor sosial dan psikologi pengetua serta guru-guru mempengaruhi kualiti kepimpinan dan kejayaan pengajaran guru-guru.

6.1.2 Teori dan Model Efikasi Kendiri

Teori kognitif sosial yang diperkenalkan oleh Bandura (1986) adalah merupakan konsep yang sering dijadikan rujukan kepada kajian berkaitan efikasi kendiri guru. Bandura (1986) adalah individu yang bertanggung jawab untuk memperkenalkan konsep dan makna efikasi kendiri dalam bukunya '*Social foundations of thought and action: A Social Cognitive Theory*'. Teori kognitif sosial ini menerangkan keupayaan seseorang individu untuk mempunyai sistem diri yang membolehkan mereka membuat ukuran kawalan ke atas setiap fikiran, perasaan dan tindakan yang mereka lakukan.

Seseorang individu berkeupayaan untuk mengubah persekitaran mereka bagi mempengaruhi tindakan serta tingkah laku mereka sendiri. Akhirnya tingkah laku seseorang dipengaruhi

oleh faktor kognitif dan peribadi. Perhubungan ini menurut Bandura (1986) adalah konsep timbal balik (*reciprocal determinism*), yang mempunyai tiga elemen iaitu (i) faktor peribadi dalam bentuk kognitif; (ii) tingkah laku dan (iii) pengaruh persekitaran seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 6.2.



Rajah 6.2: Perhubungan '*reciprocal determinism*' oleh Bandura (1986: p, 24).

Bandura (1986) telah menyatakan mengenai dua jenis jangkaan yang mempengaruhi daya kognitif seseorang dalam cara mereka bertingkah laku. Jangkaan tersebut adalah jangkaan hasil kerja (*outcome expectancy*) dan jangkaan efikasi sendiri (*self-efficacy*). Jangkaan hasil adalah kesan daripada usaha yang membawa kepada pencapaian atau hasil kerja yang dikehendaki oleh seseorang (*outcome*). Ia juga berkaitan bagaimana seseorang individu memperlihatkan tingkah laku yang menyebabkan dia percaya hasil kerjanya dihargai atau mendapat pujian. Jangkaan efikasi pula adalah keyakinan seseorang yang beliau dapat melaksanakan tingkah laku yang dikehendaki untuk mengeluarkan hasil yang diinginkan dengan jayanya. Efikasi sendiri mempengaruhi kepercayaan individu untuk sanggup berusaha dan tabah apabila berlaku halangan terhadap pencapaian prestasi tingkah laku yang diinginkan. Oleh itu, jangkaan hasil meneroka bagaimana ganjaran mempengaruhi motivasi individu manakala efikasi sendiri meneroka bagaimana kepercayaan tentang kebolehan mempengaruhi motivasi.


Menurut Bandura (1986), efikasi sendiri melibatkan kebolehan generatif di mana kemahiran sosial, kognitif dan tingkah laku perlu saling berhubung kait untuk mencapai sesuatu tujuan. Dengan itu, Bandura (1986) telah mendefinisikan efikasi sendiri sebagai pertimbangan seseorang itu mengenai kemampuannya mengelola dan melaksanakan segala tindakan yang

perlu untuk mencapai prestasi yang ditetapkan. Ia tidak mempunyai perkaitan dengan kemahiran seseorang, tetapi berkenaan dengan pertimbangan seseorang itu berkaitan perkara yang boleh dilaksanakannya dengan kemahiran yang dimilikinya. Perbezaan di antara aspek kemahiran dan aspek kemampuan untuk mengelola dan melaksanakan sesuatu tingkah laku dijelaskan dalam definisi di atas. Efikasi sendiri mempengaruhi prestasi melalui peningkatan usaha dan kecekalan. Efikasi sendiri menurut Bandura (1986) juga bermaksud kepercayaan atau keyakinan seseorang dalam melaksanakan tingkah laku bagi mencapai sesuatu maksud dengan jayanya.

Bagi tujuan kajian ini, pengkaji telah merujuk kepada Model Efikasi Kendiri yang dibangunkan oleh Tschannen-Moran, Hoy dan Hoy (2001) sebagai teori yang mendasari kajian sebagai pemboleh ubah bersandar (Rajah 6.3). Menurut Tschannen-Moran, et al., (2001) efikasi sendiri guru adalah keyakinan yang ada pada seseorang guru terhadap kebolehannya untuk mengajar dan memotivasikan pelajar tanpa mengambil kira kebolehan dan latar belakang keluarga pelajar. Mereka turut menyatakan efikasi sendiri guru adalah kepercayaan guru pada keupayaan diri untuk menyusun atur serta melakukan satu siri tindakan yang diperlukan bagi menyempurnakan tugas pengajaran dalam konteks yang spesifik. Efikasi sendiri ini dikaitkan dengan tingkah laku dan sikap positif guru. Menurut beliau lagi dalam usaha menjadi guru yang berkesan, pengetahuan mengenai kandungan pelajaran serta pedagogi sahaja tidak mencukupi malah keupayaan serta keyakinan guru mengajar adalah lebih kuat pengaruhnya terhadap keberkesanan pengajaran

Beberapa kajian telah dilaksanakan bagi mengkaji kesediaan dan keupayaan guru-guru untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran semasa Pandemik Covid-19 dari aspek efikasi sendiri, komunikasi, motivasi, resiliensi dan kepuasan kerja guru. Dolighan dan Owen (2021) telah menjalankan kajian terhadap 432 orang guru sekolah tinggi bagi mengenal pasti tahap efikasi sendiri guru sepanjang melaksanakan pengajaran secara dalam talian telah mendapati guru mempunyai tahap efikasi sendiri yang rendah sepanjang tempoh Pandemik. Dimensi yang mempunyai tahap yang tinggi ialah dimensi strategi pengajaran ($M=5.76$, $SD=0.77$) diikuti oleh dimensi pengurusan bilik darjah ($M=5.35$, $SD=0.83$) dan dimensi yang paling rendah ialah penglibatan pelajar ($M=4.73$, $SD=1.13$). Didapati juga, tidak terdapat hubungan yang signifikan antara umur, tahap pendidikan, pengalaman mengajar dengan efikasi sendiri guru. Berbeza pula apabila guru yang telah mengikuti latihan instruksional secara dalam talian mempunyai tahap efikasi sendiri yang tinggi. Kajian oleh Dolighan dan Owen (2021)

ini dilaksanakan kerana mereka mendapati kaedah pengajaran secara bersemuka dan secara dalam talian mempunyai pengaruh yang besar terhadap efikasi sendiri guru.



Rajah 6.3: Model Efikasi Kendiri Guru oleh Tschannen-Moran, Hoy & Hoy (1998) dalam Hoy dan Miskel (2001:p, 152)

Permintaan kepada teknik pengajaran baharu semasa Pandemik Covid-19 telah mempengaruhi efikasi sendiri guru pada tahun 2020-2021 (Pressley & Ha, 2021). Dari kajian yang dilakukan terhadap guru-guru di Amerika Syarikat didapati efikasi sendiri guru berada di tahap rendah secara amnya sepanjang tempoh Pandemik ini dan secara khusus bagi dimensi mengurus instruksional dan penglibatan pelajar. Didapati juga pengalaman mengajar tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan efikasi sendiri guru sepanjang tempoh Pandemik. Ini menunjukkan pengalaman mengajar guru tidak mempengaruhi tahap efikasi guru. Ini adalah kerana semua guru tidak mengira tahun berkhidmat akan menempuh cabaran baharu dalam melaksanakan pengajaran secara dalam talian. Manakala menurut Pellerone (2021) mendapati guru-guru yang mempunyai tahap efikasi sendiri yang tinggi adalah dalam kalangan guru-guru yang berpengalaman mengajar lebih lama berbanding guru-guru baharu.

Kajian yang dijalankan oleh Sokal, Trudel & Babb (2020) mendapati guru-guru menunjukkan tahap efikasi sendiri yang rendah sepanjang 3 bulan pertama tempoh

Pandemik pada tahun 2019. Dimensi efikasi sendiri guru yang menunjukkan tahap yang tinggi ialah bagi dimensi pengurusan bilik darjah. Walau bagaimana pun, tahap efikasi sendiri guru semakin meningkat di akhir tahun 2020. Pada tempoh ini guru-guru telah mula menunjukkan ketahanan diri dalam melaksanakan pengajaran dalam talian.

Pellerone (2021) mendapati guru mempunyai tahap efikasi sendiri yang rendah dan mempengaruhi keupayaan guru untuk merancang strategi instruksional dengan berkesan apabila melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian sepanjang tempoh Pandemik Covid-19. Didapati juga, efikasi sendiri guru turut berperanan sebagai mediator antara kompetensi emosi guru dan kepuasan diri guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian. Pressley (2021) mendapati efikasi sendiri guru berada di tahap sederhana apabila melaksanakan sesi pengajaran sepanjang tempoh Pandemik Covid-19. Guru-guru mempunyai kesulitan dalam melaksanakan pengajaran secara dalam talian terutamanya bagi strategi pengajaran yang diperlukan. Pressley (2021) juga turut mendapati bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara efikasi sendiri guru dengan pengalaman mengajar guru. Begitu juga bagi lokasi sekolah, Pressley (2021) mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara efikasi guru dengan lokasi sekolah.

Selain itu, Cataudella, Carta, Mascia, Masala, Agus & Penna (2021) melalui kajian yang dijalankan terhadap guru sekolah di Itali mendapati tahap efikasi sendiri guru berada di tahap rendah. Keupayaan guru untuk mengadakan sesi pengajaran secara maya sangat memberikan kesan kepada efikasi guru kerana hanya 65% guru mempunyai kemahiran dalam mengendalikan pengajaran secara maya ditambah pula dengan kesediaan minda pelajar, peralatan teknologi dan capaian internet yang terhad telah menyebabkan sesi pengajaran tidak dapat berlangsung dengan baik.

Amani, et al., (2021) pula mendapati tahap efikasi sendiri guru berada di tahap yang tinggi sepanjang melaksanakan pengajaran secara dalam talian sepanjang tempoh Pandemik Covid-19 secara keseluruhannya dan begitu juga bagi setiap dimensi. Dimensi yang mempunyai tahap yang tinggi adalah dimulai dengan dimensi strategi instruksional diikuti oleh dimensi penglibatan pelajar dan dimensi pengurusan bilik darjah. Terdapat perbezaan yang signifikan antara efikasi sendiri guru dengan pengalaman mengajar guru. Semakin banyak pengalaman mengajar guru semakin tinggi tahap efikasi sendiri guru. Walau bagaimanapun, tidak

terdapat perbezaan yang signifikan antara efikasi sendiri guru dengan jantina serta umur guru.

6.1.3 HUBUNGAN KEPIMPINAN PEMIMPIN SEKOLAH DENGAN EFIKASI KENDIRI GURU

Penutupan sekolah telah memberikan impak psikologi yang mendalam kepada sistem pendidikan di kebanyakan negara yang melibatkan pengurusan sekolah, kepimpinan, guru, pelajar dan ibubapa. Perkara berkaitan psikologi dan kepuasan kerja guru ini perlulah diambil berat oleh pemimpin sekolah bagi memastikan pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran adalah berkesan bagi membolehkan pelajar dapat belajar dan mencapai kecemerlangan yang dikehendaki (Pellerone, 2021). Peranan kepimpinan sekolah juga sangat penting dalam meningkatkan tahap efikasi sendiri guru. Pemimpin sekolah perlu memberikan sokongan dan keyakinan kepada guru-guru untuk melaksanakan pengajaran dalam talian.

Efikasi sendiri guru sangat perlu dikenal pasti dan sentiasa dipantau oleh pemimpin sekolah (Pressley, 2021) bagi memastikan kelangsungan sesi pengajaran dan pembelajaran semasa Pandemik Covid-19. Dalam memenuhi kehendak untuk menyesuaikan serta mengubah keperluan pengajaran dan pembelajaran, guru-guru perlu mengubah pendekatan teknik instruksional yang digunakan agar sesi pengajaran dapat dilaksanakan secara dalam talian dengan mengambil kira kesediaan pelajar (mental, peralatan teknologi dan capaian internet). Cabaran yang dihadapi oleh pemimpin dan guru di sekolah termasuklah isu teknologi, pendekatan serta perancangan instruksional baharu oleh guru dan platform pembelajaran yang akan digunakan. Fackler & Malmberg (2016) mendapati pemimpin sekolah sangat mempengaruhi efikasi sendiri guru bagi dimensi pengalaman kepimpinan pemimpin dan stail kepimpinan yang diamalkan.

Menurut Pellerone (2021), impak utama dari Pandemik Covid-19 yang dihadapi oleh guru adalah meningkatkan tahap burnout dan menurunkan tahap efikasi sendiri guru secara profesional. Dapatan dari Pellerone (2021) ini telah mengesahkan lagi teori efikasi sendiri oleh Bandura (1997), dimana efikasi sendiri adalah penting dalam mempengaruhi tingkah laku seseorang apabila berhadapan dengan cabaran. Apabila peralihan dalam pengajaran dan


pembelajaran berlaku dari secara bersemuka kepada dalam talian, memerlukan guru untuk mempunyai kesediaan dan kemahiran dalam teknologi, bahan-bahan pengajaran dan alatan elektronik yang bersesuaian. Guru perlu bersedia bagi melaksanakan strategi instruksional dengan berkesan. Efikasi sendiri guru bagi menguruskan strategi instruksional ini perlulah senetiasa berada di tahap tinggi. Pemimpin sekolah perlulah memastikan semua guru bersedia dari segi mental dan fizikal untuk melaksanakan sesi pengajaran secara dalam talian.

Sokal, Trudel & Babb (2020) mendapati efikasi sendiri guru, sikap terhadap perubahan dan sokongan dari pemimpin mempunyai hubungan yang signifikan terhadap resiliensi dan *burnout* guru sepanjang tempoh Pandemik Covid-19. Sokong pemimpin sekolah yang efektif sangat penting dalam meningkatkan efikasi sendiri guru dimana pemimpin sekolah merupakan penyokong utama dalam membantu guru untuk melaksanakan sesi pengajaran yang berkesan (Fackler & Malmberg, 2016, Hoy & Woolfolk, 1993). Efikasi sendiri guru sangat penting dan memerlukan sokongan dari pemimpin sekolah dalam meningkatkan efikasi sendiri guru sepanjang tempoh Pandemik Covid-19 (Pellerone, 2021).

Perubahan yang mendadak yang perlu dihadapi oleh guru perlulah mendapat sokongan dan motivasi dari pemimpin sekolah. Pemimpin perlu meyakinkan guru untuk mengikuti perubahan yang berlaku dan beralih dari pengajaran bersemuka kepada pengajaran secara dalam talian. Fackler & Malmberg (2016) mendapati pemimpin sekolah yang sentiasa memberikan motivasi dan sokongan kepada guru dalam melaksanakan instruksional dengan berkesan mampu meningkatkan keupayaan guru untuk lebih cemerlang dalam pengajarannya.

7.0 KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Kerangka konseptual kajian ini (Rajah 7.1), telah dibangunkan berdasarkan teori, model dan sorotan kajian literatur yang diselidiki. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti pengaruh hubungan kecerdasan emosi pengetua terhadap efikasi guru sekolah rendah dan menengah mengikut zon di Malaysia. Terdapat dua teori yang mendasari dan dijadikan rujukan utama iaitu Teori Kecerdasan Emosi oleh Goleman (2001) dan Teori Efikasi Guru oleh Tschannen-Moran dan Hoy (2001).



Rajah 7.1: Kerangka Konseptual Kajian dibina berdasarkan Teori Kecerdasan Emosi (Goleman, 2001) dan Teori Efikasi Guru (Tschannen Moren dan Hoy, 2001)

8.0 METODOLOGI KAJIAN

Bahagian ini menghuraikan dan membincangkan pelaksanaan dan prosedur yang perlu diikuti dalam menjalankan kajian ini. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dengan menggunakan kaedah kajian tinjauan. Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis hubungan antara kecerdasan emosi pemimpin pendidikan dengan efikasi guru sekolah di Malaysia sepanjang Pandemik Covid-19.

8.1 Populasi dan Sampel Kajian

Kajian ini melibatkan persepsi guru terhadap kecerdasan emosi pemimpin sekolah terlibat. Menurut Geothals, Sorenson dan Burns (2004), guru merupakan kumpulan subordinat yang paling sesuai dalam memberikan maklum balas yang bermakna terhadap kepimpinan seseorang pengetua. Kenyataan ini disokong oleh Kelley, Thornton dan Daugherty (2005) yang mengatakan bahawa guru yang memberikan maklum balas berkaitan tingkah laku pengetua adalah lebih tepat daripada pengetua itu sendiri yang menilai diri sendiri. Ini dibuktikan melalui dapatan beliau yang mendapati tidak terdapat korelasi antara tingkah laku kepimpinan yang dinilai sendiri oleh pengetua dengan persepsi daripada guru berkaitan

kepimpinan pengetua. Beliau juga mendapati bahawa maklum balas serta penilaian dari guru adalah lebih sahih (*authentic*).

Pemilihan sampel dalam kajian ini adalah berdasarkan persampelan rawak berstrata (*stratified random sampling*). Teknik persampelan ini didapati sesuai untuk memperoleh sampel dari jumlah populasi yang besar dan luas (Babbie, 2014). Pecahan bilangan guru mengikut zon ditunjukkan dalam Jadual 8.1.

Jadual 8.1: Bilangan guru mengikut zon. (Kementerian Pendidikan Malaysia, Mac 2021).

ZON	NEGERI TERLIBAT	JUMLAH	JUMLAH KESELURUHAN
Utara	Kedah	25,874	78, 867
	Pulau Pinang	17,263	
	Perak	32,079	
	Perlis	3,651	
Tengah	Selangor	55,372	72,736
	WP Putrajaya	2,030	
	WP Kuala Lumpur	15,334	
Selatan	Johor	42,677	69, 062
	Melaka	11,931	
	Negeri Sembilan	14,454	
Timur	Pahang	22,130	64, 305
	Terengganu	17,796	
	Kelantan	24,379	
Malaysia Timur	Sabah	37,696	72, 998
	Sarawak	34,135	
	WP Labuan	1,167	
		JUMLAH	357, 968

Pada peringkat pertama, pengkaji membahagikan kawasan kajian mengikut zon yang iaitu kawasan Zon Utara, Selatan, Timur dan Tengah. Seterusnya teknik perkadaran (*propotional*) digunakan untuk menentukan jumlah guru yang terlibat dari setiap zon. Teknik perkadaran ini didapati lebih berkesan bagi sampel yang mewakili populasi sebenar kerana agihan pemilihan sampel adalah sama rata.(Johnson & Christensen, 2004; McMillan , 2012). Unit analisis dan sampel dalam kajian ini ialah guru sekolah rendah dan menengah.

Peringkat yang kedua ialah penentuan jumlah guru yang terlibat sebagai responden kajian ditentukan berdasarkan jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970), di mana daripada populasi 357, 968 orang guru hanya 384 orang guru yang diperlukan sebagai sampel kajian. Penentuan saiz sampel dijalankan dengan mengambil kira aras kesignifikanan pada $p=0.05$. Penentuan jumlah guru yang terlibat dalam kajian dari setiap zon ditentukan dengan

menggunakan teknik perkadaran (*propotion*) seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 8.1 seperti yang disarankan oleh Creswell (2013).

$$\text{Jumlah Guru yang diperlukan dari zon berkenaan} = \frac{\text{Jumlah Guru dalam negeri berkenaan}}{\text{Jumlah Guru dari Populasi}} \times 384$$

Rajah 8.1: Menentukan perkadaran sampel oleh Creswell (2013)

Jadual 8.2 menunjukkan jumlah guru secara minimum mengikut zon yang terlibat dalam kajian ini. Pemilihan secara rawak seramai 4 hingga 10 orang guru dari setiap sekolah adalah mencukupi bagi mewakili persepsi dan perasaan keseluruhan warga sekolah (Brown, 2009). Oleh itu, berdasarkan justifikasi tersebut pengkaji memilih 10 hingga 12 orang guru dari setiap sekolah sebagai sampel kajian.

Jadual 8.2: Populasi dan sampel guru mengikut zon yang diperlukan untuk kajian.

Zon	Populasi Guru	Minimum Guru yang diperlukan (p=0.05)
Utara	78, 867	85
Tengah	72,736	78
Selatan	69, 062	74
Timur	64, 305	69
Malaysia Timur	72, 998	78
Jumlah	357, 968	384

8.2 Instrumen Kecerdasan Emosi Pemimpin/Pengetua

Instrumen yang digunakan bagi mengukur kecerdasan emosi telah diubahsuai dari instrumen '*Emotional Competencies Inventory*' (ECI-V2) – Hay Group oleh Boyatzis, Goleman dan Hay Group, (2001). Kebenaran untuk menggunakan instrumen ini telah diperolehi dari Hay Group pada 30 September 2014. Walau bagaimanapun, instrumen ini telah diterjemahkan kepada Bahasa Melayu mengikut kesesuaian dan latar belakang responden di Malaysia dan telah diuji kesahan dan kebolehpercayaan oleh Shafinaz (2017).

Soal selidik ini mengandungi empat dimensi iaitu (1) Kompetensi Kesedaran Kendiri yang terdiri (ii) Kompetensi Pengurusan Kendiri (iii) Kompetensi Pengurusan Perhubungan dan

akhirnya (iv) Kompetensi Kesedaran Sosial. Terdapat 46 item (Jadual 8.3) yang membolehkan responden memberikan maklum balas mereka dan memilih satu dari sebelas pilihan berdasarkan persepsi mereka terhadap kecerdasan emosi pengetua iaitu bermula dari skala 0 iaitu pengetua yang tidak pernah menunjukkan emosi yang dinyatakan manakala skala 10 adalah pengetua yang paling kerap menunjukkan emosi yang dinyatakan.

Jadual 8.3: Taburan item bagi soal selidik Kecerdasan Emosi Pemimpin

Bil	Dimensi	Nombor Item
1.	Kesedaran Kendiri	
	a. Kesedaran emosi sendiri	1, 46
	b. Penilaian sendiri	10, 35
	c. Keyakinan sendiri	19, 30, 37
2.	Pengurusan Kendiri	
	a. Pengawalan emosi diri	14, 24
	b. Orientasi pencapaian	6, 8, 34
	c. Kebolehsuaian	5, 18, 31
	d. Inisiatif	3, 44
	e. Optimis	2, 38
3.	Pengurusan Perhubungan	
	a. Membangunkan orang lain	4, 9
	b. Kepimpinan Berinspirasi	12, 15, 17, 32
	c. Pemangkin Perubahan	22, 23, 26
	d. Pengurusan Konflik	11, 16, 41
	e. Pengaruh	21, 27, 39
	f. Kerja Berpasukan	7, 40, 43
4.	Kesedaran Sosial	
	a. Empati	13, 36, 45
	b. Orientasi Perkhidmatan	25, 28, 33
	c. Kesedaran Organisasi	20, 29, 42

8.3 Instrumen Efikasi Guru

Soal selidik efikasi sendiri guru mengandungi 24 item (Jadual 8.4) dan diubahsuai dari ‘*Teacher Sense of Efficacy Scale*’ (Tschannen-Moran dan Hoy, 2001). Instrumen ini sesuai untuk digunakan bagi mengenal pasti tahap efikasi sendiri guru berdasarkan analisis dan kajian terperinci yang telah dijalankan oleh Shafinaz (2017) yang telah berjaya membuktikan kesesuaian instrumen ini dan pengubahsuaian telah dilakukan bagi mencapai kesesuaian berdasarkan ciri dan latar belakang sistem pendidikan di Malaysia.

Jadual 8.4: Taburan item bagi soal selidik Efikasi Guru

Bil.	Dimensi	Nombor Item
1.	Efikasi guru terhadap strategi pengajaran	5, 7, 8, 11, 12, 13, 15, 16
2.	Efikasi guru terhadap penglibatan pelajar	1, 2, 3, 4, 6, 9, 10, 14

8.4 Kajian Rintis

Kajian rintis telah dijalankan sebelum kajian sebenar ditadbir. Tujuan kajian rintis adalah untuk menguji kebolehpercayaan dan kesahan instrumen yang dibentuk bagi mengelakkan kekeliruan dan mengenal pasti kelemahan item yang dibina (Creswell, 2014). Hasil maklumbalas yang diperolehi dari kajian rintis digunakan bagi memantapkan dan menambahbaik instrumen agar konstruk yang hendak diuji dapat diukur dengan tepat. Menurut Chua (2006), kajian rintis dijalankan untuk melihat kebolehpercayaan dan kemunasabahan sesuatu kajian yang bakal dilaksanakan. Aspek yang penting bagi menghasilkan instrumen kajian yang baik dan berkualiti ialah maklumbalas dari kajian rintis (Gay, Mills, & Airasian, 2012).

Jadual 8.5: Analisis Kebolehpercayaan Instrumen Kecerdasan Emosi dan Efikasi Kendiri Guru

Dimensi	Kajian Rintis	
	Jumlah Item	Nilai Alfa Cronbach (α)
Kesedaran Kendiri	7	.902
Pengurusan Kendiri	12	.996
Pengurusan Perhubungan	18	.908
Kesedaran Sosial	9	.907
Kecerdasan Emosi Keseluruhan	46	.992
Strategi Pengajaran	8	.939
Penglibatan Pelajar	8	.923
Efikasi Kendiri Guru	16	.964

Bagi tujuan kajian rintis ini, soal selidik telah ditadbirkan kepada guru secara dalam talian dengan menggunakan aplikasi google form yang dikongsi pautannya kepada responden. Menurut Chua (2006) jumlah responden seramai 30 orang sudah mencukupi untuk menganalisis hasil kajian rintis. Data yang diperolehi dari kajian rintis telah dianalisis menggunakan SPSS dengan kaedah konsistensi dalaman (*internal consistency approach*) dan kaedah yang sering digunakan ialah melalui pengiraan indeks pekali kebolehpercayaan instrumen kajian (alfa cronbach). Kebolehpercayaan adalah suatu konsep berkaitan ketekalan (*consistency*) dan kestabilan (*stability*) sesuatu instrumen (Cohen et al., 2011; Creswell, 2014 dan Johnson & Christensen, 2004). Ketekalan merujuk kepada kebolehpercayaan yang tinggi terhadap instrumen yang dibina, manakala kestabilan adalah kebebasan dari kesilapan dan menghasilkan keputusan yang konsisten (Gay et al., 2012). Jadual 8.5 menunjukkan laporan

kebolehpercayaan instrumen kompetensi kecerdasan emosi pengetua dan efikasi sendiri guru bagi kajian rintis yang dijalankan.

Oleh itu, untuk menentukan kebolehpercayaan instrumen kajian, ujian indeks pekali alfa cronbach merupakan indeks yang mencukupi dan memadai dengan nilai alfa antara 0.00 sehingga 1.00 (Gay et al., 2012) dan (Muijs, 2011) . Indeks pekali alfa cronbach yang menghampiri nilai 1.00 menunjukkan kebolehpercayaan dan konsistensi yang tinggi terhadap instrumen. Walau bagaimanapun, kebolehpercayaan instrumen kajian menggunakan pekali alfa cronbach, di mana nilai alfa 0.65 sehingga 0.95 adalah memuaskan dan memadai (Chua, 2006).

8.5 Tatacara Analisis Data

Data-data yang telah sempurna dikumpulkan melalui soal selidik serta dikodkan bagi memudahkan pemprosesan komputer. Data kajian ini dianalisis dengan menggunakan kaedah statistik deskriptif dan inferensi. . Statistik deskriptif yang digunakan dalam kajian ini bagi menganalisis data deskriptif bagi menjawab soalan kajian 1, 2 dan 3 adalah frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai.

Bagi menilai tahap setiap pemboleh ubah, kesemua pemboleh ubah dibahagikan kepada tiga skor purata iaitu rendah, sederhana dan tinggi. Interpretasi skor min setiap tahap pemboleh ubah ini diperolehi dengan mencari perbezaan skor tertinggi dan terendah bagi skala yang digunakan seperti dalam Jadual 8.6.

Jadual 8.6: Interpretasi Skor Min bagi pemboleh ubah kajian.

Skor Min	Interpretasi
0 – 3.33	Rendah
3.34 – 6.67	Sederhana
6.68 – 10.00	Tinggi

Statistik inferensi bertujuan menghuraikan hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah dan ciri sampel yang dipilih daripada populasi kajian (Chua, 2006).

Soalan kajian 4 yang bertujuan menganalisis hubungan antara dua pemboleh ubah menggunakan Ujian Korelasi Pearson (*Pearson Product-moment*) yang berskala numerikal

(Chua, 2009 dan McMillan, 2012). Kekuatan sesuatu korelasi diwakili oleh pekali korelasi (r) iaitu nilai yang menunjukkan kekuatan hubungan antara dua pemboleh ubah (bebas dan bersandar) dan berada antara +1.00 hingga -1.00 seperti ditunjukkan dalam Jadual 8.7.

Jadual 8.7: Pekali Korelasi dan kekuatan korelasi (Chua, 2006)

Pekali Korelasi (r)	Kekuatan korelasi
0.91 hingga 1.00 ATAU -0.91 hingga -1.00	Sangat Kuat
0.71 hingga 0.90 ATAU -0.71 hingga -0.90	Kuat
0.51 hingga 0.70 ATAU -0.51 hingga -0.70	Sederhana
0.31 hingga 0.50 ATAU -0.31 hingga -0.50	Lemah
0.01 hingga 0.30 ATAU -0.01 hingga -0.30	Sangat Lemah
.00	Tiada Korelasi

8.6 Ringkasan Analisis Data Kajian

Ringkasan analisis data yang dijalankan bagi menjawab semua soalan kajian yang terlibat dalam kajian ini ditunjukkan dalam Jadual 8.7.

Jadual 8.8: Analisis Data bagi setiap Soalan Kajian

Bil	SOALAN KAJIAN	PEMBOLEH UBAH	ANALISIS
1.	Apakah tahap kecerdasan emosi yang dipraktikkan oleh pemimpin pendidikan semasa Pandemik Covid-19?	Pembolehubah Bebas Kecerdasan Emosi Pemimpin Pendidikan	Deskriptif - Min - Sisihan Piawai
2.	Apakah tahap efikasi sendiri guru semasa Pandemik Covid-19?	Pembolehubah Bersandar: Efikasi sendiri Guru	Deskriptif - Min - Sisihan Piawai
3.	Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi efikasi sendiri guru berdasarkan jantina, umur dan pengalaman mengajar?	Pembolehubah Bersandar: Efikasi Kendiri Guru	t-Test : - Jantina ANOVA :- Umur Pengalaman Mengajar
4.	Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi pemimpin pendidikan dengan efikasi sendiri guru semasa Pandemik Covid-19	Pembolehubah Bebas: Kecerdasan Emosi Pembolehubah Bersandar: Efikasi Kendiri Guru	Statistik Inferensi: Korelasi Pearson r
5.	Dimensi yang manakah dalam konstruk kecerdasan emosi pemimpin pendidikan merupakan peramal yang dominan dalam menggalakkan efikasi sendiri guru semasa Pandemik Covid-19?	Pembolehubah Bebas: Kecerdasan Emosi Pembolehubah Bersandar: Efikasi Kendiri Guru	Statistik Inferensi: Ujian Regresi Pelbagai (Stepwise)

9.0 DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini melaporkan dapatan kajian berdasarkan soalan kajian yang dibina oleh pengkaji. Dapatan kajian ini memberikan perincian aspek profil responden yang terdiri daripada jantina, umur, pengalaman mengajar, pencapaian akademik, gred jawatan dan jenis sekolah. Kajian ini bertujuan untuk menghuraikan 5 soalan kajian iaitu (1) Apakah tahap kecerdasan emosi yang dipraktikkan oleh pemimpin pendidikan semasa Pandemik Covid-19? (2) Apakah tahap efikasi sendiri guru semasa Pandemik Covid-19? (3) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi efikasi sendiri guru berdasarkan jantina, umur dan pengalaman mengajar? (4) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi pemimpin pendidikan dengan efikasi sendiri guru semasa Pandemik Covid-19? dan (5) Dimensi yang manakah dalam konstruk kecerdasan emosi pemimpin pendidikan merupakan peramal yang dominan dalam menggalakkan efikasi sendiri guru sekolah di Malaysia?

9.1 Profil Responden

Profil responden kajian telah dianalisis menggunakan analisis deskriptif iaitu dengan melihat frekuensi dan peratusan. Responden kajian adalah terdiri dari seramai 1534 orang guru sekolah di Malaysia untuk menilai persepsi mereka terhadap kecerdasan emosi pemimpin sekolah serta efikasi sendiri guru. Jadual 9.1 menerangkan tentang latar belakang responden kajian.

Jadual 9.1: Profil Responden Kajian (Guru)

Maklumat Responden (N=1534)	Frekuensi	Peratusan (%)
Jantina		
Lelaki	482	31.4
Perempuan	1052	68.6
Umur		
30 tahun ke bawah	115	7.5
31 – 40 tahun	454	29.6
41 – 50 tahun	523	34.1
51 tahun ke atas	442	28.8
Pengalaman mengajar		
Kurang dari 5 tahun	138	9.0
6 – 10 tahun	210	13.7
11 – 15 tahun	300	19.6
16 – 20 tahun	209	13.6
21 tahun ke atas	677	44.1
Kategori Perkhidmatan		

Jusa C	0	0
DG 54	405	26.4
DG 52	542	35.3
DG 48	128	8.3
DG 44	347	22.6
DG 41	112	7.3
Kelulusan Akademik Tertinggi		
PhD	5	0.3
Sarjana	189	12.3
Sarjana Muda	1302	84.9
Diploma	38	2.5

Jadual 9.1 menjelaskan tentang latar belakang responden kajian yang melibatkan seramai 1534 orang guru sekolah Malaysia. Daripada keseluruhan 1534 orang responden, didapati seramai 482 orang lelaki. Jumlah tersebut diwakili oleh 31.4 peratus daripada keseluruhan jumlah responden. Selebihnya, 1052 orang adalah guru perempuan (68.6%). Seterusnya, berdasarkan faktor umur responden pula terdapat seramai 115 orang (7.5%) berumur kurang dari 30 tahun, 454 orang (29.6%) berada dalam kategori guru berumur 31 hingga 40 tahun, bagi guru berumur di antara 41 hingga 50 tahun pula adalah seramai 523 orang (34.1%) dan akhirnya 442 orang (28.8%) berada dalam kategori guru berumur lebih dari 51 tahun.

Dari aspek pengalaman mengajar, kebanyakan responden adalah terdiri dari guru yang mempunyai pengalaman mengajar melebihi 21 tahun iaitu seramai 677 orang (44.1%), 209 orang (13.6%) berpengalaman mengajar selama 16 hingga 20 tahun, 300 orang (19.6%) mempunyai pengalaman mengajar antara 11 hingga 15 tahun, 210 orang (13.7%) mempunyai pengalaman mengajar antara 6 hingga 10 tahun dan akhirnya seramai 138 orang (9.0%) berpengalaman mengajar kurang dari lima tahun.

Sementara itu, terdapat 112 orang (7.3%) guru berada dalam pada gred DG 41, 347 orang (22.6%) berada pada gred Dg 44, 128 orang (8.3%) berada pada gred DG 48, 542 orang (35.3%) berada pada gred DG 52 dan seramai 405 orang (26.4%) guru berada pada gred 54. Akhirnya, profil responden menunjukkan seramai 5 guru (0.3 %) mempunyai tahap pencapaian akademik PhD, 189 orang (12.3%) guru mempunyai kelulusan tahap sarjana, 1302 (84.9%) guru mempunyai kelulusan tahap sarjana muda dan 38 guru (2.5%) mempunyai kelulusan tahap diploma.

9.2 Soalan Kajian 1

Tahap kecerdasan emosi yang dipraktikkan oleh pemimpin pendidikan semasa Pandemik Covid-19.

Kecerdasan emosi pemimpin sekolah di Malaysia semasa Pandemik Covid-19 dikaji berdasarkan empat dimensi iaitu kesedaran sendiri, pengurusan sendiri, pengurusan perhubungan dan kesedaran sosial yang mengandungi 46 item. Pengkaji menggunakan statistik deskriptif bagi menganalisis data yang diperolehi dari 1534 responden. Jadual 9.2 menunjukkan analisis dapatan kajian dalam bentuk skor min dan skor sisihan piawai bagi setiap dimensi dan skor min keseluruhan kecerdasan emosi pemimpin sekolah. Penentuan tahap kecerdasan emosi pemimpin sekolah menurut persepsi guru ini adalah berdasarkan skor min dengan merujuk kepada pangkatan yang disediakan dalam Jadual 8.6.

Jadual 9.2: Min, Sisihan Piawai dan Tahap Kecerdasan Emosi Pemimpin Sekolah (N=1534)

Dimensi dan Sub-dimensi Kecerdasan Emosi Pemimpin Sekolah	Min (M)	Sisihan Piawai (S.P)	Tahap
Kesedaran Kendiri	6.63	3.17	Sederhana
Pengurusan Kendiri	6.61	3.17	Sederhana
Pengurusan Perhubungan	6.33	3.04	Sederhana
Kesedaran Sosial	6.80	3.25	Tinggi
Min Keseluruhan	6.68	3.20	Tinggi

Berdasarkan Jadual 9.2, didapati skor min keseluruhan kecerdasan emosi pemimpin sekolah menurut persepsi guru adalah 6.68. Ini menunjukkan tahap kecerdasan emosi pemimpin sekolah di Malaysia semasa Pandemik Covid-19 berada pada tahap tinggi (M=6.68, SP=3.20). Terdapat satu dimensi iaitu dimensi kesedaran sosial (M=6.80, SP=3.25) yang mempunyai nilai skor min yang lebih tinggi daripada min keseluruhan (M=6.68). Tiga dimensi yang lain menunjukkan skor min yang sederhana iaitu dimensi kesedaran sendiri (M=6.63, SP=3.17), dimensi pengurusan sendiri (M=6.61, SP=3.17) dan dimensi pengurusan perhubungan (M=6.33, SP=3.04).

Secara keseluruhannya, pemimpin sekolah menurut persepsi guru mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi dimana dimensi kesedaran sendiri menunjukkan tahap yang

paling tinggi diikuti oleh tiga dimensi yang lain iaitu kesedaran sendiri, pengurusan sendiri, pengurusan perhubungan yang berada di tahap sederhana.

9.3 Soalan Kajian 2

Tahap efikasi sendiri guru semasa Pandemik Covid-19.

Efikasi sendiri guru sekolah semasa Pandemik Covid-19 dikaji berdasarkan dua dimensi iaitu dimensi strategi pengajaran dan dimensi penglibatan pelajar yang mengandungi 12 item. Dapatan dari analisis deskriptif yang dijalankan ditunjukkan dalam Jadual 9.3.

Jadual 9.3: Min, Sisihan Piawai dan Tahap Efikasi Kendiri Guru (N=1534)

Dimensi Efikasi Kendiri Guru	Min (M)	Sisihan Piawai (SP)	Tahap Amalan
Strategi Pengajaran	7.45	.911	Tinggi
Penglibatan Pelajar	8.71	.980	Tinggi
Min keseluruhan	8.62	.980	Tinggi

Berdasarkan Jadual 9.3, didapati skor min keseluruhan efikasi sendiri guru adalah $M = 8.62$. Ini menunjukkan tahap efikasi sendiri guru sekolah di Malaysia semasa Pandemik Covid-19 berada pada tahap tinggi ($M = 8.62$, $SP = .980$). Dua dimensi iaitu dimensi strategi pengajaran ($M = 7.45$, $SP = .911$) dan penglibatan pelajar ($M = 8.71$, $SP = .980$) juga turut mempunyai nilai skor min yang tinggi.

Secara keseluruhannya, guru sekolah di Malaysia semasa Pandemik Covid-19 mempunyai tahap efikasi sendiri yang tinggi dimana setiap dimensi yang mewakili konstruk efikasi sendiri guru juga berada pada tahap yang tinggi. Tahap efikasi sendiri guru yang tinggi ini menunjukkan bahawa guru sekolah di Malaysia mempunyai keyakinan yang tinggi dalam pengajarannya.

9.4 Soalan Kajian 3

Perbezaan efikasi sendiri guru berdasarkan jantina, umur dan pengalaman mengajar

9.4.1 Perbezaan efikasi sendiri guru berdasarkan jantina.

Jadual 9.4: Ujian-t Efikasi Kendiri Guru berdasarkan Jantina

Pembolehubah	Jantina	Min	S.P	t	df	Sig
Efikasi Kendiri	Lelaki	2.69	.466	225.67	1533	.000
	Perempuan	8.62	.985			

Nota: *signifikan pada $p < .05$

Analisis menggunakan kaedah Ujian-t dijalankan bagi melihat perbezaan efikasi sendiri guru berdasarkan jantina. Berdasarkan Jadual 9.4, efikasi sendiri guru sekolah di Malaysia semasa Pandemik Covid-19 berpendapat bahawa terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik bagi efikasi sendiri guru berdasarkan faktor jantina guru ($t = 225.67$, $df = 1533$, $p < .05$). Nilai skor min guru lelaki ($M=2.69$) yang lebih rendah berbanding skor min guru perempuan ($M=8.62$) menunjukkan bahawa guru lelaki mempunyai efikasi sendiri yang rendah berbanding guru perempuan sepanjang Pandemik Covid-19.

9.4.2 Perbezaan efikasi sendiri guru berdasarkan umur.

Jadual 9.5: Ujian ANOVA bagi Efikasi Kendiri Guru berdasarkan Umur

Efikasi Kendiri berdasarkan Umur	Guru	Jumlah Dua	Kuasa	Darjah Kebebasan (df)	Min Dua	Kuasa	Nilai F	Sig
Antara Kumpulan		22.480		3	7.493		7.821	.000
Dalam Kumpulan		1465.803		1530	.958			
Jumlah		1488.283		1533				

Nota: *signifikan pada $p < .05$

Perbezaan efikasi sendiri guru sekolah di Malaysia sepanjang Pandemik Covid-19 ini dikaji berdasarkan empat kategori umur diuji dengan menggunakan Ujian ANOVA. Berdasarkan Jadual 9.5 di atas, pada keseluruhannya guru sekolah di Malaysia berpendapat bahawa terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik bagi efikasi sendiri guru berdasarkan empat kategori umur [$F(3,1530) = 7.821$; $p < .05$].

Jadual 9.6: Ujian Tukey HSD Post-hoc bagi Efikasi Kendiri Guru berdasarkan Umur

Umur Guru		Perbezaan Min	Ralat Piawai	Sig
30 tahun ke bawah	31 – 40 tahun	-.0094	.102	1.000
	41 – 50 tahun	-.2239	.100	.118
	51 tahun ke atas	-.2867*	.1024	.027
31 – 40 tahun	41 – 50 tahun	-.2145*	.0627	.004
	51 tahun ke atas	-.2773*	.0654	.000

Nota: *signifikan pada $p < .05$

Berdasarkan perbandingan Post-hoc menggunakan Ujian Turkey HSD (Jadual 9.6) dapatan menunjukkan bahawa nilai skor min umur guru 30 tahun ke bawah adalah berbeza dan signifikan secara statistik dengan umur guru 51 tahun ke atas. Walau bagaimanapun tidak terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik antara umur guru 30 tahun ke bawah dengan umur guru 31 – 40 tahun dan umur guru 41 ke 50 tahun. Manakala bagi umur guru 31 hingga 40 tahun menunjukkan perbezaan yang signifikan secara statistik dengan umur guru 41 – 50 tahun dan 51 tahun ke atas.

Kesimpulan bagi ujian ANOVA yang dijalankan menunjukkan bahawa faktor umur guru mempunyai pengaruh ke atas efikasi sendiri mereka. Pada keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik bagi efikasi sendiri guru berdasarkan faktor umur sepanjang tempoh Pandemik Covid-19.

9.4.3 Perbezaan efikasi sendiri guru berdasarkan pengalaman mengajar.

Perbezaan efikasi sendiri guru sekolah di Malaysia adalah berdasarkan lima kategori pengalaman mengajar diuji dengan menggunakan Ujian ANOVA.

Jadual 9.7: Ujian ANOVA bagi Efikasi Kendiri Guru berdasarkan Pengalaman Mengajar

Efikasi berdasarkan mengajar	Kendiri Guru pengalaman	Jumlah Kuasa Dua	Darjah Kebebasan (df)	Min Kuasa Dua	Nilai F	Sig
Antara Kumpulan		30.477	4	7.619	7.991	.000
Dalam Kumpulan		1457.806	1529	.953		
Jumlah		1488.283	1533			

Nota: *signifikan pada $p < .05$

Berdasarkan Jadual 9.7, pada keseluruhannya guru sekolah di Malaysia berpendapat bahawa terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik bagi efikasi sendiri guru berdasarkan pengalaman mengajar [$F(4,1529) = 7.991$; $p > .05$]. Oleh itu, efikasi sendiri guru dipengaruhi oleh faktor pengalaman mengajar.

Jadual 9.8: Ujian Turkey HSD Post-hoc bagi Efikasi Kendiri Guru berdasarkan Pengalaman Mengajar

Umur Guru		Perbezaan Min	Ralat Piawai	Sig
11 ke 15 tahun	5 tahun ke bawah	.0954	.1004	.877
	6 – 10 tahun	.2433*	.0878	.045
	16 – 20 tahun	.0178	.0879	1.000
	21 tahun ke atas	-.1649	.0677	.107
16 ke 20 tahun	6 – 10 tahun	.2613*	.0954	.049
21 tahun ke atas	6 – 10 tahun	.4083*	.0771	.000
	5 tahun ke bawah	.2603*	.0912	.035

Nota: *signifikan pada $p < .05$

Berdasarkan Jadual 9.8 diatas, didapati terdapat beberapa kumpulan pengalaman mengajar guru yang mempunyai perbezaan yang signifikan secara statistik. Bagi kumpulan guru yang mempunyai pengalaman mengajar selama 11 ke umur 15 tahun didapati mempunyai perbezaan yang signifikan secara statistik dengan guru yang mempunyai pengalaman mengajar 6 – 10 tahun. Manakala bagi kumpulan guru yang mempunyai pengalaman mengajar selama 16 – 20 tahun mempunyai perbezaan yang signifikan secara statistik dengan kumpulan guru yang mempunyai pengalaman 6 – 10 tahun, begitu juga bagi kumpulan guru yang mempunyai pengalaman mengajar melebihi 21 tahun didapati mempunyai perbezaan yang signifikan secara statistik dengan kumpulan guru yang mempunyai pengalaman mengajar selama 6 – 10 tahun dan kurang dari 5 tahun.

Kesimpulan bagi ujian ANOVA yang dijalankan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik terhadap efikasi sendiri guru berdasarkan pengalaman mengajar. Ini bermakna bahawa faktor pengalaman mengajar guru mempunyai pengaruh ke atas efikasi sendiri mereka sepanjang Pandemik Covid-19. Guru yang mempunyai pengalaman mengajar yang lama mempunyai efikasi sendiri yang berbeza dengan guru yang baharu berkhidmat.

9.5 Soalan Kajian 4

Hubungan antara kecerdasan emosi pemimpin pendidikan dengan efikasi sendiri guru semasa Pandemik Covid-19

Ujian korelasi Pearson (*Pearson Product-moment*) digunakan bagi menganalisis hubungan antara dua pemboleh ubah kajian iaitu untuk mengetahui hubungan antara kecerdasan emosi pemimpin sekolah dengan efikasi sendiri guru sekolah Malaysia. Kekuatan korelasi antara

hubungan kedua-dua pemboleh ubah adalah berpandukan kepada Jadual 8.7. Hasil analisis adalah seperti dalam Jadual 9.8 di bawah.

Jadual 9.9: Korelasi antara Kecerdasan Emosi Pemimpin Pendidikan dengan Efikasi Kendiri Guru

Dimensi	Efikasi Kendiri		
	r	r ²	Sig ^{**}
Kecerdasan Emosi	.193	.037	.000

Nota:**korelasi adalah signifikan pada tahap $p < .01$

Hasil analisis mendapati bahawa hubungan antara kecerdasan emosi pemimpin sekolah dengan efikasi sendiri guru adalah signifikan secara statistik dan positif ($r = .193$, $p < .01$). Walau bagaimanapun, hubungan yang ditunjukkan adalah pada tahap sangat lemah. Nilai varian ($r^2 = .037$) menunjukkan bahawa 3.7% daripada perubahan keseluruhan efikasi sendiri guru adalah disebabkan oleh faktor kecerdasan emosi pemimpin sekolah. Manakala 96.3% perubahan lagi dalam efikasi sendiri guru mungkin disebabkan oleh faktor-faktor lain.

Secara keseluruhannya, dapat dibuat kesimpulan berdasarkan persepsi guru terdapat hubungan yang signifikan secara statistik dan positif di antara kecerdasan emosi pemimpin sekolah dengan efikasi sendiri guru, namun kekuatan korelasinya adalah pada tahap yang sangat lemah. Kecerdasan emosi pemimpin sekolah dibuktikan mempengaruhi efikasi sendiri guru sepanjang tempoh Pandemik Covid-19. Keputusan dapatan di atas memberikan implikasi bahawa seseorang pemimpin sekolah yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi turut mempengaruhi peningkatan efikasi sendiri guru sekolah.

9.6 Soalan Kajian 5

Dimensi konstruk kecerdasan emosi pemimpin pendidikan sebagai peramal yang dominan dalam menggalakkan efikasi sendiri guru semasa Pandemik Covid-19.

Analisis regresi pelbagai (*Multiple Regression*) digunakan oleh pengkaji bagi mengenal pasti kesan setiap dimensi dalam komponen kecerdasan emosi pemimpin sekolah (pemboleh ubah bebas) yang merupakan peramal dominan dalam menggalakkan efikasi sendiri guru.

Jadual 9.10: Analisis Regresi Pelbagai: Penyumbang terhadap perubahan dalam efikasi sendiri guru.

Dimensi Kecerdasan Emosi	R	R ²	Adjusted R ²	Standard Error of the Estimate
Kesedaran Kendiri	.198 ^a	.039	.038	.96616
Kesedaran Sosial	.208 ^b	.043	.042	.96429

a. Predictors: (Constant), KESDKENDIRI
b. Predictors: (Constant), KESDKENDIRI, KESDSOSIAL
c. Dependent Variable: EFKENDIRI

Hasil dari analisis regresi pelbagai (*stepwise*) dari Jadual 9.10 menunjukkan bahawa daripada empat dimensi kecerdasan emosi pemimpin sekolah hanya dua dimensi iaitu dimensi kesedaran sendiri dan dimensi kesedaran sosial pemimpin sekolah yang mempunyai korelasi dan memberikan sumbangan (4.3%) yang signifikan secara statistik ($p < .05$) kepada efikasi sendiri guru sekolah di Malaysia semasa Pandemik Covid-19.

Jadual 9.11: Analisis Regresi Pelbagai: Penyumbang terhadap perubahan dalam efikasi sendiri guru.

Dimensi Kecerdasan Emosi	B	Beta (t)	Sig. t	R ²	Sumbangan (%)
Kesedaran Kendiri	.061	.073	.000	.039	3.9
Kesedaran Sosial	.188	.071	.000	.043	0.5
Pemalar (<i>Constant</i>)	8.218		.000		
R		.198			
R ²		.039			
R ² diubahsuai (<i>Adjusted R²</i>)		.043			
Ralat Piawai (<i>Standard Error</i>)		.964			

Peramal utama dan tertinggi kepada efikasi sendiri guru sekolah di Malaysia semasa Pandemik Covid-19 ialah dimensi kesedaran sendiri ($\beta = .073$, dan $p = .000$). Ujian-t yang signifikan pada $p < .05$ dan nilai R kuasa dua ($R^2 = .039$) menunjukkan sumbangan dimensi kesedaran sendiri sebanyak 3.9% terhadap efikasi sendiri guru. Keadaan ini menunjukkan apabila skor kecerdasan emosi pemimpin sekolah bagi dimensi kesedaran sendiri bertambah sebanyak satu unit, tahap efikasi sendiri guru bertambah sebanyak .073 unit. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa kecerdasan emosi pemimpin sekolah bagi dimensi kesedaran sendiri adalah faktor peramal utama yang menyumbang sebanyak 3.9% kepada efikasi sendiri guru sekolah di Malaysia semasa Pandemik Covid-19.

Peramal kedua yang turut menyumbang sebanyak 0.7% kepada efikasi sendiri guru ialah dimensi kesedaran sosial ($\beta = .071$, dan $p = .000$). Keputusan ujian-t juga signifikan pada $p < .05$ dan nilai R kuasa dua ($R^2 = .043$). Ini bermakna apabila skor kecerdasan emosi pemimpin sekolah bagi dimensi kesedaran sosial bertambah sebanyak satu unit, efikasi sendiri guru turut bertambah sebanyak .071 unit.

Jadual 9.12: Analisis Regresi Pelbagai (Stepwise): Analisis Varians

Sumber	Jumlah Kuasa Dua	Darjah Kebebasan	Min Kuasa Dua	Nilai F	Tahap Signifikan (p)
Regresi	58.227	2	58.227	62.378	.000
Residul	1430.056	1531	.933		
Jumlah	1488.283	1533			

Nota: *signifikan pada $p < .05$

Keputusan ujian-F pada Jadual 9.12 menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah bebas dengan efikasi sendiri guru $F = 62.378$ pada aras kesignifikan $p < .05$. Keputusan analisis regresi pelbagai yang dijalankan memberikan nilai R Kuasa Dua ($R^2 = .043$) menunjukkan perubahan dalam kombinasi dua dimensi kecerdasan emosi pemimpin sekolah semasa Pandemik Covid-19 iaitu dimensi kesedaran sendiri dan kesedaran sosial menyumbang sebanyak 4.3% terhadap perubahan dalam efikasi sendiri guru sekolah. Ini bermakna terdapat 95.7% perubahan dalam efikasi sendiri guru yang tidak dapat diramalkan mungkin disebabkan oleh pemboleh ubah-pemboleh ubah yang lain (faktor lain) yang tidak dikaji dalam kajian ini.

Secara amnya, sumbangan keseluruhan dua pemboleh ubah bebas yang signifikan terhadap efikasi sendiri guru sekolah dapat dibentuk melalui persamaan regresi seperti berikut:

$$Y = .073X_1 + .071X_2$$

Di mana;

Y = Efikasi Kendiri Guru

X_1 = Kesedaran Kendiri Pemimpin Sekolah

X_2 = Kesedaran Sosial Pemimpin Sekolah

Kesimpulan dari persamaan regresi di atas menunjukkan bahawa kesedaran sendiri dan kesedaran sosial pemimpin sekolah mempunyai korelasi yang signifikan dan memberi kesan serta peramal kepada efikasi sendiri guru sekolah semasa Pandemik Covid-19 melanda negara. Didapati peramal yang utama kepada efikasi sendiri guru ialah kesedaran sendiri pemimpin sekolah diikuti oleh kesedaran sosial pemimpin sekolah.

10.0 PERBINCANGAN

Dapatan dari kajian ini menunjukkan bahawa menurut persepsi guru, pemimpin sekolah mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi, manakala guru-guru di Malaysia juga turut mempunyai tahap efikasi sendiri yang tinggi sepanjang Pandemik Covid 19 melanda negara kita Malaysia. Selain itu, dapatan juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik bagi efikasi sendiri guru sepanjang Pandemik Covid-19 berdasarkan faktor jantina guru di mana guru perempuan mempunyai efikasi sendiri yang tinggi berbanding guru lelaki. Faktor umur guru juga mempunyai pengaruh ke atas efikasi sendiri guru di mana guru yang berumur dalam kumpulan 41 hingga 50 tahun mempunyai efikasi sendiri yang tinggi berbanding kumpulan guru yang lainnya. Berdasarkan faktor pengalaman mengajar guru pula, kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik bagi efikasi sendiri guru. Guru yang mempunyai pengalaman mengajar dari 11 hingga 15 tahun mempunyai tahap efikasi sendiri yang tinggi berbanding guru-guru dalam kumpulan umur yang lainnya.

Seterusnya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pada keseluruhannya terdapat hubungan yang signifikan dan positif secara statistik antara kecerdasan emosi pemimpin sekolah dengan efikasi sendiri guru. Kekuatan hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah ini adalah pada tahap sangat lemah dan ini menunjukkan bahawa pemimpin sekolah yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi berupaya meningkatkan efikasi sendiri guru walaupun pada kadar yang lemah. Manakala dimensi kecerdasan emosi pemimpin sekolah yang menjadi penyumbang terbesar dalam mempengaruhi efikasi sendiri guru ialah kesedaran sendiri dan diikuti oleh kesedaran sosial.

Pada keseluruhannya, dapatan kajian ini membuktikan bahawa pemimpin sekolah di Malaysia menurut persepsi guru mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi sepanjang

tempoh Pandemik Covid-19. Dimensi yang memperlihatkan tahap tertinggi adalah dimensi kesedaran sosial diikuti oleh dimensi kesedaran sendiri, dimensi pengurusan sendiri dan dimensi pengurusan perhubungan. Dapatan kajian ini menyokong kajian terdahulu oleh Izani (2014) yang mendapati pengetua sekolah kajiannya mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi pada keseluruhannya. Beliau mendapati dimensi yang menunjukkan tahap yang tertinggi ialah dimensi kesedaran sosial diikuti oleh dimensi pengurusan sendiri, pengurusan perhubungan dan kesedaran sendiri. Ini menunjukkan bahawa personaliti seseorang pemimpin yang dipamerkan mempunyai hubungan dengan kecerdasan emosi di mana setiap tingkah laku pemimpin menggambarkan perhubungan yang wujud antara pemimpin dalam mempengaruhi pengikutnya. Ini dibuktikan oleh Nurul Hudani, Ma'rof, Puteri Hayati dan Noor Hisham (2015) yang mendapati dimensi personaliti mempunyai perkaitan dengan kecerdasan emosi dalam memberi kesan kepada prestasi kerja seseorang.

Dapatan kajian ini turut menyokong kenyataan oleh Harris & Jones (2020) iaitu hubungan sosial antara pemimpin sekolah dengan guru serta pelajar masih perlu dikekalkan bagi memastikan kelangsungan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Kesedaran social dan hubungan sosial antara pemimpin sekolah, guru-guru dan warga sekolah adalah sangat penting bagi memastikan sesi pengajaran dan pembelajaran tetap berjalan sepanjang Pandemik Covid-19. Semasa Pandemik Covid-19 ini, keupayaan seseorang pemimpin sekolah untuk mengurus dan memimpin sekolah perlulah disesuaikan dengan situasi serta keperluan semasa. Setiap keputusan dan tindakan yang diambil akan memberi impak kepada seluruh warga sekolah. Oleh itu, keperluan seseorang pemimpin sekolah untuk mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi sangat penting semasa Pandemik ini. Bersesuaian dengan dapatan kajian ini ia membuktikan bahawa pemimpin sekolah di Malaysia mampu mengurus dan memimpin sekolah dengan mempamerkan tahap kecerdasan emosi yang tinggi.

Menurut Beauchamp, Hulme, Clarke, Hamilton, & Harvey (2021), mengurus semasa krisis memerlukan seseorang pemimpin untuk mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi, disamping nilai dan sikap yang stabil dalam memotivasikan guru-guru. Jika pemimpin sekolah menggunakan kecerdasan emosi sebagai tunjang utama dalam memimpin, usaha sekolah untuk menyediakan pendidikan inklusif dapat ditingkatkan lagi. Seseorang pengetua yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi, memberikan impak yang positif kepada seluruh warga dan budaya sesebuah organisasi (Moore, 2009).

Selain dari itu, kajian terdahulu membuktikan bahawa individu yang memperlihatkan tahap kecerdasan emosi yang tinggi berjaya memimpin organisasi dengan berkesan (Bhatti & Thaabbasum, 2014; Yulk, 2013). Ini adalah kerana pemimpin perlu mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi dalam usaha melakukan perubahan bagi meningkatkan pencapaian organisasi dan melakukan proses transformasi dalam kepimpinan.

Tahap kecerdasan emosi pemimpin sekolah di Malaysia sepanjang Pandemik Covid-19 berada pada tahap yang tinggi pada keseluruhannya. Ini membuktikan bahawa kecerdasan emosi sangat penting dalam mengupaya pemimpin sekolah sebagai pemimpin yang berkesan terutamanya melalui amalan kesedaran sosial yang berkesan. Ini bertepatan dengan definisi kecerdasan emosi oleh pengkaji iaitu kebolehan dan keupayaan seseorang untuk mengenal pasti emosi sendiri dan orang lain serta dapat mengawalinya dengan cara tertentu bagi menghasilkan hubungan sosial yang baik. Kesedaran sosial perlu dikuasai oleh pemimpin sekolah agar mampu mempunyai perasaan empati terhadap warga organisasi. Kompetensi empati sangat penting bagi seseorang pemimpin sekolah agar pemimpin dapat memahami emosi, situasi dan isu yang dihadapi oleh warga sekolah. Empati sangat penting bagi pemimpin sekolah apatah lagi dalam mengurus sepanjang Pandemik Covid-19 untuk meningkatkan motivasi dan sokongan kepada guru-guru. Isu dan cabaran yang dihadapi oleh guru-guru mampu diuruskan oleh pemimpin apabila beliau mempunyai tahap kecerdasan emosi tinggi (tahap kompetensi empati juga tinggi seperti dapatan kajian ini) bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran tetap dilaksanakan sepanjang Pandemik Covid-19. Setelah pemimpin sekolah berjaya mempunyai kompetensi empati yang tinggi, maka pemimpin sekolah mampu untuk mempengaruhi guru-guru dan warga sekolah untuk melaksanakan tugas yang berorientasikan perkhidmatan dengan baik. Sepanjang Pandemik Covid-19 melanda negara, proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan secara dalam talian. Namun begitu, guru-guru masih komited meneruskan proses pengajaran dan pembelajaran walau dimana berada bagi memenuhi tuntutan kompetensi berorientasikan perkhidmatan. Ini dibuktikan hasil kajian ini yang menunjukkan tahap orientasi perkhidmatan yang berada di tahap tinggi.

Dapatan dari kajian ini menunjukkan pada keseluruhannya, guru sekolah di Malaysia mempunyai tahap efikasi sendiri yang tinggi sepanjang tempoh Pandemik Covid-19 dimana setiap dimensi yang mewakili konstruk efikasi sendiri guru turut berada pada tahap yang tinggi. Dimensi efikasi sendiri yang berada pada tahap tertinggi ialah dimensi penglibatan

pelajar, diikuti oleh dimensi strategi pengajaran. Tahap efikasi sendiri guru yang tinggi ini menunjukkan bahawa guru sekolah di Malaysia mempunyai keyakinan yang tinggi dalam pengajaran walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam melaksanakan sesi pengajaran secara dalam talian. Dapatan dari kajian ini menyokong kenyataan oleh Tschannen-Moran & Hoy (2001) yang mendefinisikan efikasi sendiri guru sebagai keyakinan yang ada pada seseorang guru terhadap kebolehannya untuk mengajar dan memotivasikan pelajar tanpa mengambil kira situasi, kebolehan dan latar belakang keluarga pelajar. Kajian oleh Amani, et al., (2021) turut memperoleh keputusan yang sama iaitu tahap efikasi sendiri guru-guru yang terlibat dengan kajian beliau berada pada tahap yang tinggi. Kesiediaan dan keupayaan guru-guru untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran semasa Pandemik Covid-19 turut dipengaruhi oleh aspek efikasi sendiri, komunikasi, motivasi, resiliensi dan kepuasan kerja guru (Pellerone, 2021).

Sebaliknya, Cataudella, et. al., (2021), Dolighan dan Owen (2021), Rabaglietti et al., (2021) dan Pellerone (2021). pula memperoleh dapatan yang berbeza dimana tahap efikasi sendiri guru yang terlibat dengan kajian tersebut berada pada tahap yang rendah sepanjang tempoh Pandemik Covid-19. Tahap efikasi sendiri guru berada pada tahap rendah terutamanya apabila proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan secara dalam talian. Cabaran yang paling tinggi adalah dari kekurangan kemudahan peralatan pembelajaran dan capaian internet pelajar. Sokal, Trudel & Babb (2020) juga memperoleh dapatan yang serupa iaitu tahap efikasi sendiri guru dalam kajian mereka berada di tahap yang rendah pada tiga bulan pertama Pandemik Covid-19. Setelah berada di pertengahan tahun 2020, tahap efikasi sendiri guru yang sama telah meningkat kerana guru telah mengikuti latihan bagi meningkatkan kompetensi mereka melaksanakan sesi pengajaran secara dalam talian. Ini memberikan implikasi bahawa, guru-guru memerlukan latihan dan bimbingan bagi meningkatkan kompetensi mereka dalam melaksanakan pengajaran secara dalam talian. Kepekaan seseorang pemimpin sekolah adalah sangat perlu bagi mengenal pasti jenis latihan dan program yang diperlukan oleh guru-guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang berterusan. Keperluan guru perlu dipenuhi juga bagi memastikan pengajaran dapat dilaksanakan dengan berkesan disamping pemimpin sekolah perlu menyesuaikan dengan teknologi dan paling utama adalah pedagogi guru dalam melaksanakan pengajaran secara dalam talian (Hangreaves, 2020).

Selain itu, Pressley (2021) mendapati efikasi sendiri guru berada di tahap sederhana apabila melaksanakan sesi pengajaran sepanjang tempoh Pandemik Covid-19. Guru-guru mempunyai kesulitan dalam melaksanakan pengajaran secara dalam talian terutamanya bagi strategi pengajaran yang diperlukan. Efikasi sendiri guru sepanjang tempoh Pandemik Covid-19 turut dipengaruhi oleh kesediaan dan keupayaan guru untuk melaksanakan perubahan dalam strategi pengajaran yang dijalankan. Strategi pengajaran seseorang guru sangat penting kerana strategi pengajaran yang berkesan akan mempengaruhi keberkesanan pembelajaran serta prestasi pelajar. Efikasi sendiri guru sangat perlu dikenal pasti dan sentiasa dipantau oleh pemimpin sekolah (Pressley, 2021) bagi memastikan kelansungan sesi pengajaran dan pembelajaran semasa Pandemik Covid-19. Dalam memenuhi kehendak untuk menyesuaikan serta mengubah keperluan pengajaran dan pembelajaran, guru-guru perlu mengubah pendekatan teknik instruksional yang digunakan agar sesi pengajaran dapat dilaksanakan secara dalam talian dengan mengambil kira kesediaan pelajar (mental, peralatan teknologi dan capaian internet).

Kajian ini juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan dan positif antara kecerdasan emosi pemimpin sekolah dengan efikasi sendiri guru. Ini menunjukkan kecerdasan emosi pemimpin sekolah mempengaruhi tahap efikasi sendiri guru walaupun pada kekuatan yang lemah. Ini membuktikan bahawa seseorang pemimpin sekolah yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi mempengaruhi guru-guru untuk mempunyai tahap efikasi sendiri yang tinggi. Hasil yang serupa turut diperolehi oleh Siti Faezah dan Mohd Zuri (2013) yang mendapati wujud pengaruh kecerdasan emosi pengetua terhadap motivasi kerja guru iaitu terdapat hubungan yang signifikan secara sederhana antara kecerdasan emosi pengetua dan motivasi kerja guru. Faktor kecerdasan emosi merupakan antara faktor psikologi yang dititikberatkan dalam amalan kepimpinan sekolah yang berkesan. Faktor sosial dan psikologi pengetua serta guru-guru mempengaruhi kualiti kepimpinan dan kejayaan pengajaran guru-guru. Pengetua dan guru-guru perlu saling memahami emosi antara satu sama lain bagi memastikan kualiti pengajaran guru dan pembelajaran pelajar berkesan (Constantia, et., al., 2021). Sokong pemimpin sekolah yang efektif sangat penting dalam meningkatkan efikasi sendiri guru dimana pemimpin sekeolah merupakan penyokong utama dalam membantu guru untuk melaksanakan sesi pengajaran yang berkesan (Fackler & Malmberg, 2016, Hoy & Woolfolk, 1993).

RUMUSAN DAN CADANGAN

Guru perlu mempunyai tahap efikasi sendiri yang tinggi, kerana menurut Pressley, Roehrig & Turner (2018), guru yang mempunyai tahap efikasi sendiri yang tinggi adalah lebih terbuka untuk menerima teknik pengajaran yang baharu dan mempunyai ketahanan yang tinggi terhadap sebarang perubahan. Kajian berkaitan sokongan kepimpinan terhadap efikasi sendiri guru semasa tempoh Pandemik dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian perlu dilakukan kerana sokongan dari pemimpin sekolah turut mempengaruhi tahap kepuasan kerja guru.

Guru-guru perlu diberikan latihan berkaitan peningkatan kompetensi dalam melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian. Ini selari dengan apa yang dicadangkan oleh Yoo (2016) dimana bagi menyokong peningkatan efikasi sendiri guru pemimpin sekolah perlulah mengenal pasti ruang pembangunan profesional guru dan melaksanakan latihan yang bersesuaian. Pembangunan profesional guru yang betul-betul menepati keperluan guru sangat penting bagi peningkatan efikasi sendiri guru untuk memastikan sesi pengajaran guru adalah berkesan serta berkualiti. Apabila efikasi sendiri guru dapat ditingkatkan, impak dapat dilihat dari kecemerlangan pelajar.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa akibat dari keperluan dan keadaan semasa dalam pendidikan semasa Pandemik Covid-19 ini, pemimpin dan guru sekolah berhadapan dengan kompetensi instruksional baharu dalam memastikan proses pengajaran dan pembelajaran tetap berjalan lancar, maka sokongan dari pelbagai pihak terutamanya dari Kementerian Pendidikan sangat diperlukan. Aspek yang memerlukan sokongan adalah dari segi teknologi, motivasi dan sokongan emosi yang boleh diadakan dalam pelbagai bentuk seperti aktiviti pembangunan profesional yang bersesuaian. Sokongan terhadap guru kan mampu meningkatkan kesihatan mental guru, mengurangkan kadar stress dan akhirnya meningkatkan efikasi sendiri mereka. Maklum balas dan sokongan dari pemimpin sangat penting bagi melancarkan guru-guru mampu mengikuti perubahan yang berlaku dalam apa jua situasi.

Daripada kajian yang telah dijalankan, dicadangkan beberapa tindakan untuk menambahbaik faktor kepimpinan dan efikasi sendiri guru bagi memastikan kelancaran sesi pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan dengan berkesan yang seterusnya memberi impak kepada kecemerlangan pelajar.

Pertamanya ialah mewujudkan kesedaran terhadap efikasi sendiri guru dalam melaksanakan pengajaran secara dalam talian terutamanya bagi dimensi yang masih berada di tahap rendah. Pemimpin sekolah perlu memastikan guru selesa dan terbuka minda untuk melaksanakan sesi pengajaran secara dalam talian berdasarkan kemudahan pengajaran yang mereka sedia ada (capaian internet, sumber pengajaran dan pembelajaran).

Keduanya ialah pemimpin sekolah perlulah sentiasa memberikan sokongan yang mengutamakan latihan peningkatan profesional guru. Pemimpin sekolah perlu mengambil kira cabaran dan keperluan guru serta mampu menjadi inspirasi kepada guru dengan idea serta sumber baharu yang mampu menyediakan strategi dan alatan yang sesuai untuk pengajaran secara dalam talian.

Kajian yang dijalankan ini diharap dapat memberi sumbangan kepada KPM amnya dan khususnya kepada IAB dalam memastikan pemimpin pendidikan berupaya mengurus emosi dengan berkesan dalam mempengaruhi guru untuk melaksanakan tugas pengajaran dengan lebih berkesan.

RUJUKAN

- Azlin Norhaini, M. (2020). Covid-19: Cabaran Buat Guru. Tinta Minda BERNAMA.
<https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1909566>
- Amani M. Allouh, Saba M. Qadhi, Mahmood A. Hasan, Xiangyun Du (2021). *Teachers' Self-Efficacy and Online Teaching during Covid-19 Pandemic in Qatar Governmental Schools. International Journal of Learning, Teaching and Educational Research. Vol 20(11), 17 – 41.*
- Babbie, E. (2014). *The Basics of Social Research* (6th ed). USA: Wadsworth.
- Bandura, A. (1986). *Social Foundations of thought and action: A Social Cognitive Theory*. Prentice Hall, Englewood Cliffs.
- Bandura, A. (1997). The Anatomy of Stages of Change. *American Journal of Health Promotion, 12, 8-10*
- Bar-On, R. & Parker, J. D. A. (2000). *Handbook of emotional intelligence: Theory, development, assessment and application at home, school and in the workplace*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Beauchamp, G., Hulme, M., Clarke, L., Hamilton, L & Harvey, J. A. (2021). *Educational Management Administration & Leadership. Vol 49 (3), 375-392.*
- Bhatti, A. G., & Tabbasum, N. (2014). The relationship between emotional intelligence and job satisfaction in college teachers of district Hyderabad. *Ma'arif Research Journal, 11-30.*

- Brown, P.T. (2009). *The influence of teachers' perceptions on school climate, individual teacher efficacy and teacher expectations on collective efficacy in public elementary schools*. (Unpublished Doctoral Dissertation). Available from ProQuest Dissertations and Theses database. (UMI No. 3369658)
- Boyatzis, R. E., Goleman, D., & HayGroup (2001). *The Emotional Competence Inventory (ECI)*. Boston: HayGroup.
- Cataudella, S., Carta, S. M., Mascia, M. L., Masala, C., Agus, & Penna, M. P. (2021). *International Journal of Environmental Research and Public Health*. Vol 18, 8211.
- Chua, Y. P. (2006). *Asas Statistik Penyelidikan: Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Buku 1*. Kuala Lumpur, Malaysia: McGraw Hill.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2011). *Research Methods In Education* (7th Ed). London: Routledge, Taylor & Francis Group.
- Constantia, C., Christos, P., Glykeria, R., Anastasia, A. R & Aikaterini, V. (2021). The Impact of Covid-19 on the Educational Process: The Role of The School Principal. *Journal of Education*, 2021, 1-8.
- Creswell, J. W. (2013). *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research* (4th Ed). USA: Pearson.
- Dolighan, T. & Owen, Michael. (2021). Teacher Efficacy for Online Teaching During the Covid-19 Pandemic. *A Journal of Educational Research and Practice*, Vol 30(1), 95-116
<https://journals.library.brocku.ca/brocked>
- Fackler, S., & Malmberg, L. E. (2016). Teachers' Self-Efficacy in 14 OECD Countries: Teacher, Student Group, School Leadership Effects. *Teaching and Teacher Education*, 56, 185-195.
- Gay, L. R., Mills, G. E., & Airasian, P. (2012). *Educational Research: Competencies For Analysis And Applications* (10th Ed.). Boston: Pearson.
- Geothals, G.R., Sorenson, G.J., & Burns, J.M. (2004). *Encyclopedia of leadership Vol.2*. London: Sage Publications Ltd, 820-857
- Goleman, D. (1998b). *Working with emotional intelligence*. New York.
- Goleman, D. (1995). *Emotional Intelligence*. New York: Bantam.
- Goleman, D. (2001). *The emotionally intelligent workplace*. New York: Bantam
- Goleman, D. (2011). *Leadership: The Power of Emotional Intelligence*. USA. More Than Sound.
- Harris, A. & Jones, M. (2020). Covid-19: School Leadership in Disruptive Times. *School Leadership and Management*, 40(4), 243-247.
- Hangreaves, A., and Fullan, M. (2020). Professional Capital after the Pandemic: Revisiting and Revising Classic Understandings of Teachers' Work. *Journal of Professional Capital and Community*.
- Hoy, W. K., & Woolfolk, A. E. (1993). Teachers' Sense of Efficacy and The Organizational Health of Schools. *The Elementary School Journal*, 93(4), 355-372.
- Hussein Ahmad,. (2007). Towards World Class Leadership Model of Principals for School in The Future. *Kertas Kerja Seminar Nasional Pengurusan dan Kepemimpinan Pendidikan Ke-14*, Institut Aminuddin Baki, 25-27 Jun.
- Izani, I. (2014). *Tahap Kecerdasan Emosi Pemimpin dan Kepimpinan Servant serta Pengaruhnya Terhadap Pengurusan Perubahan di Sekolah*. (Tesis Doktor Falsafah). Universiti Utara Malaysia.
- Johnson, B., & Christensen, L. (2004). *Educational Research: Quantitative, Qualitative and Mixed Approaches* (2nd Ed.). USA: Pearson.
- Kelley, R.C., Thornton, B., & Daugherty, R. (2005). Relationships between measures of leadership and school climate. *Education*, 126 (1): 17-26

- Krejcie, R. V and Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30:607-610.
- Mat Rahaimi, Y., Yahya, D., Mohd Faiz, M. Y., Omar Fauzee. M. S. & Chaw, P. L. (2021). *International Journal of Education, Psychology and Counselling*. Vol 6 (42), 1 – 13.
- McLeod, S., & Dulsky, S. (2021). Resilience, Reorientation and Reinvention: School Leadership During the Early Months of the Covid-19 Pandemic. *Journal Frontiers of Education: Leadership in Education*. Vol 6 (637075).
- Moore, B. (2009). Emotional Intelligence for School Administrator: A Priority for School Reform? *American Secondary Education*, 37 (3), 20-28
- Muijs, D. (2011). *Doing Quantitative Research in Education with SPSS* (2nd Ed.). Los Angeles: SAGE
- Netolicky, D. M. (2020). School Leadership During a Pandemic: Navigating Tensions. *Journal of Professional Capital and Community*. Vol 5 (4), 391 – 395.
- Nurul Hudani, M. N., Maarof, R., Puteri Hayati, M. A., & Noor Hisham, M. N. (2015). Pengujian Model Hubungan Antara Kecerdasan Emosi, Trait Personaliti dan Tingkah Laku Kepimpinan Terhadap Prestasi Kerja. *Akademika*, 85(2): 3-16.
- Pellerone, M. (2021). Self-Perceived Instructional Competence, Self-Efficacy and Burnout during the Covid-19 Pandemic: A Study of a Group of Italian School Teachers. *Journal Investig. Health Psychol. Educ*, 2021,11, 496-512.
- Pressley, T., Roehrig, A. D., & Turner, J. E. (2018). Elementary Teachers' Perception of reformed Teacher Evaluation System. *The Teacher Educator*, 53(1), 21-43.
- Pressley, T. & Ha, Cheyeon. (2021). Teaching during a Pandemic: United States Teachers' Self Efficacy During Covid-19. *Teaching and Teacher Education*. www.elsevier.com/locate/tate
- Pressley, T. (2021). Returning to Teaching during Covid-19: An Empirical Study on Elementary Teachers' Self-Efficacy. *Psychology in The School*, Vol 58(8), 1611-1623.
- Rabaglietti, E., Lattke, L. S., Tesauri, B., Settanni, M. & De Lorenzo, A. (2021). A Balancing Act During Covid-19: Teachers' Self-Efficacy, Perception of Stress in The Distance Learning Experience. *Frontiers in Psychology*, 12.
- Salovey, P., & Mayer, J. D. (1993). The Intelligence of Emotional Intelligence, *Intelligence*, 17: 433.
- Shafinaz, A. M. (2017). *Hubungan Kecerdasan Emosi dan Kepimpinan Instruksional Pengetua Dengan Efikasi Kendiri Guru di Negeri Sembilan*. (Tesis Ijazah Kedoktoran yang tidak diterbitkan.), Universiti Malaya.
- Sokal, L., Trudel, L. E. & Babb, J. (2020). *International Journal of Educational Research*, Oct, 2020.
- Tschannen-Moran, M and Hoy, A. W (2001). Teacher Efficacy: Capturing an elusive construct. *Teaching and Teacher Education*, 17: 783-805. <http://www.coe.ohio.state.edu/ahoy/AERAEfficacymeasure%20.pdf>
- Yoo, J. H. (2016). The Effect of Professional Development on Teacher Self-Efficacy and Teachers' Self-Analysis of Their Efficacy Change. *Journal of Teacher Education for Sustainability*, 18(1), 84-94.
- Yulk, G. (2013). *Leadership In Organizations* (8th Ed). New York: Pearson.